

OBOR BELIA

BUKU 4

SEPULUH HUKUM

- I. Akulah TUHAN, Allahmu...
- II. Jangan sembah tuhan-tuhan lain, sembahlah Aku sahaja
- III. Jangan buat patung bagi dirimu
- IV. Jangan menghormati TUHAN, Allahmu, dengan sembarang
- V. Jangan menghormati hari Sabat
- VI. Injil dan ibu kamu



OBOR BELIA

Penulis: Evelyn Tan Hwee Yong

Hwee Yong telah lama berkecimpung dalam penulisan dan penterjemahan, dan telah menulis banyak buku dalam Bahasa Malaysia. Dia memperoleh M.A. Theology dari South East Asia Bible College, dan M. Human Sc. dari Universiti Islam Antarabangsa.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: November 2009

Cetakan Kedua : April 2011

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com
Pencetak : Akitiara Corporation Sdn. Bhd.
Kulit Buku : Chiang Juat Chin
Reka Letak : Randy Singkee
Artis Ilustrasi : Kevin Thomas

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia
Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2009 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Sepuluh Hukum
	Lembar Kerja
6	Sesi 1: Sepuluh Hukum untuk Pegangan Hidup
12	Sesi 2: Tuhan Kita Cemburu?
16	Sesi 3: Kuduskan Nama Tuhan
20	Sesi 4: Kuduskan Hari Sabat
26	Sesi 5: Hormati Kesucian Nyawa Orang Lain
32	Sesi 6: Jangan Berzina
36	Sesi 7: Jangan Mencuri
42	Sesi 8: Kesaksian Palsu Dilarang!
46	Sesi 9: Jangan Serakah
50	Sesi 10: Hati Yang Baru
	Panduan Pembimbing
55	Sesi 1
58	Sesi 2
61	Sesi 3
65	Sesi 4
68	Sesi 5
71	Sesi 6
74	Sesi 7
77	Sesi 8
79	Sesi 9
83	Sesi 10

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:

Untuk Pemimpin/Pembimbing



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para pemuda-pemudi.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentangkan daripada sudut pandangan belia/muda-mudi. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.






Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.

Beberapa Panduan Berguna

	<p>Objektif-Objektif Sesi Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.</p>
	<p>Pencetus Minat Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.</p>
	<p>Aktiviti Tambahan Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.</p>

* **Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

* **Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

* **Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

* **Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 4: Sepuluh Hukum

Mukadimah

Kita sering mendengar orang berkata, “Bagi kamu, hal ini salah tetapi bagi saya perkara seperti ini tidak salah,” atau “Saya berhak melakukan apa yang berkenan kepada hati saya, saya tidak peduli apa yang dikatakan oleh orang lain.” “Simpan saja pendirian moralmu untuk dirimu sendiri.” Berapa pemuda-pemudi Kristian di Malaysia akan menanyakan diri sendiri, apakah yang dikatakan oleh Sepuluh Hukum? Bagaimanakah saya menerapkan Sepuluh Hukum dalam hidup saya?

Sekalipun Sepuluh Hukum diberikan oleh Tuhan hampir 3,500 tahun yang lalu, prinsip-prinsip yang diberikan oleh Tuhan tidak pernah berubah. Sepuluh Hukum diberikan oleh Tuhan untuk belia pada masa kini bukan untuk dihafal sahaja tetapi untuk diterapkan dalam kehidupan sehari-harian.

Imamat 19:1-2 memberi sebabnya Tuhan memberi kita Sepuluh Hukum, “Tuhan menyuruh Musa memberitahu umat Israel, ‘kamu harus suci kerana Aku Tuhan, Allahmu adalah suci.’” Sepuluh Hukum menggambarkan peribadi Tuhan yang suci dan sebagai anak-anak Tuhan kita juga harus hidup kudus.

Sepuluh Hukum tidak diberikan oleh Allah untuk menghukum kita! Sepuluh Hukum ini adalah sebahagian daripada rancangan Tuhan yang dapat membimbing manusia untuk hidup suci sesama manusia dan Tuhan. Mengapakah kita berkata Sepuluh Hukum ini sebahagian daripada rancangan Tuhan yang penuh kasih sayang? Allah, Pencipta kita yang bijak tahu bagaimana cara hidup yang terbaik. Dia telah menggariskan corak kehidupan yang terbaik untuk kita.

Di sesi terakhir nanti, anda juga akan mempelajari bagaimana Tuhan Yesus mentafsir Hukum yang keenam dan ketujuh dan tafsiran-Nya mengenai seluruh hukum Allah. Anda akan memahami apakah dua hukum yang menggenapi seluruh hukum Tuhan.

“Aku gemar mentaati perintah-Mu, kerana aku mencintai perintah-Mu. Aku menghormati dan mencintai perintah-Mu; aku akan merenung peraturan-Mu.” (Mazmur 119:47-48)

Sepuluh Hukum untuk Pegangan Hidup





Ayat Mas Alkitab

“Kemudian Allah berfirman, dan inilah firman-Nya. Akulah Tuhan, Allah kamu yang membawa kamu keluar dari Mesir, tempat kamu dijadikan hamba.” (Keluaran 20:1)



Kata-kata Mutiara

Setiap hukum dalam Sepuluh Hukum menggambarkan keperibadian Tuhan yang kudus, adil dan yang penuh dengan kasih sayang.



Aktiviti Bersama “Kejahatan Manusia dan Hukum”

Baca laporan suratkhbar ini dan selidiki hukum manakah dilanggar oleh manusia ini.

Laporan	Hukum-hukum yang Dilanggar
1. Pelabur hanya boleh berputih mata kerana Pengusaha pelaburan haram melarikan RM26 juta wang pelanggan. (13hb Okt 2009, Berita Harian)	
2. Seorang wanita warga China dipenjara seumur hidup oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam, kerana menculik seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang mayatnya dijumpai dalam beg pakaian di Sungai Sitiawan, Perak, tiga tahun yang lalu. (13hb Okt 2009, Berita Harian)	
3. Kesempatan cuti umum sempena sambutan Deepavali semalam digunakan oleh sekumpulan perompak untuk menebuk dinding sebuah kedai emas di Jalan Masjid India, sebelum melarikan sejumlah barang kemas, mengakibatkan kerugian kira-kira 2 juta. (18hb Okt 2009, Utusan Melayu)	

Laporan	Hukum-hukum yang Dilanggar
<p>4. Keberanian seorang pemuda mengejar penjenayah yang melarikan telefon bimbitnya berakhir dengan tragedi apabila dia maut setelah motosikalnya merempuh tiang elektrik di Jalan Pulau Kundur, Kedai Buluh. (19hb Okt 2009, Utusan Melayu)</p>	
<p>5. Hasil siasatan mendapati wanita itu mengaku melahirkan bayi perempuan tersebut pada Khamis lalu. Bagaimanapun bayi itu mati setelah tidak diberi makan dan minum selepas dilahirkan. (19hb Okt 2009, Utusan Melayu)</p>	
<p>6. Wei Xiang, 21 tahun dari Muar, keluar dari rumahnya pada pukul 1 petang telah diculik dan kemudian dibunuh lalu diletakkan ke dalam satu tong yang dilemparkan di ladang kelapa sawit. Ibunya masih tidak boleh menerima hakikat dan tidak dapat tidur nyenyak. (24th Okt 2009, Unsolved Mysteries, NTV7)</p>	



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah yang dilakukan oleh Tuhan untuk bangsa Israel sewaktu mereka menjadi hamba abdi di Mesir dan mengapakah Tuhan menceritakan hal ini pada permulaan Sepuluh Hukum? (Keluaran 20:1)
2. Di manakah Tuhan memberikan Sepuluh Hukum kepada Musa? (Keluaran 19: 1)
3. Apakah yang dikatakan Allah mengenai tindakan-Nya membawa mereka keluar dari Mesir? (Keluaran 19:4)

4. Berapa lamakah Musa tinggal di Gunung Sinai untuk menulis Sepuluh Hukum dan mendengar isi hati Tuhan? (Keluaran 34:28)

5. Apa erti pemberian Sepuluh Hukum Allah ini kepada umat-Nya? (Keluaran 34:27)

6. Apakah yang patut dilakukan oleh umat Tuhan setelah mengikat perjanjian dengan Tuhan? (Keluaran 19:5)

7. Ada berapa hukum daripada Sepuluh Hukum yang berkaitan dengan perhubungan manusia dengan Tuhan, dan berapakah yang berkaitan dengan perhubungan antara manusia dengan manusia?

Pelbagai Aliran Fikiran Yang Bercanggah Dengan Sepuluh Hukum

Pemikiran Moden	Penjelasannya
1. Sekularisme	Segala sesuatu tidak ada jawapan tuntas dan tidak mampu mencapai nilai yang utuh.
2. Pluralisme	Setiap orang mempunyai hak untuk memutuskan sama ada sesuatu tindakan itu boleh dianggap bermoral. (Ini tubuh saya, saya berhak melakukan apa yang saya suka)
3. Privatisasi (Hak Peribadi)	Jangan membawa Allah dalam pertimbangan moral. (Kalau membuat keputusan, jangan bawa nama Allah ke dalamnya)
4. Utilitarianisme	Kewujudan pelbagai pandangan sehingga tidak ada pandangan atau pertimbangan yang boleh dianggap paling dominan atau yang benar.
5. Subjektivisme	Segala pertimbangan tergantung pada kebudayaan, sejarah, dan keadaan di sekelilingnya.
6. Relativisme	Kebaikan yang tertinggi untuk menghasilkan kegembiraan yang tertinggi bagi manusia.



Renungan Peribadi

Baca Keluaran 20:1-7. Kemudian gunakan pensel warna merah untuk tandakan Sepuluh Hukum (Keluaran 20:1-17) yang sering anda tidak taati, pensel warna kuning untuk Hukum yang kadangkala anda tidak taati dan yang biru untuk yang anda setia mentaati.

<input type="radio"/>	1. Jangan sembah tuhan-tuhan lain; sembahlah Aku sahaja.
<input type="radio"/>	2. Jangan buat patung bagi diri kamu, patung yang menyerupai apa-apa pun yang ada di langit, di bumi, atau di dalam air di bawah bumi. Jangan sujud atau sembah kepada patung apa pun, kerana Akulah Tuhan, Allah kamu, dan Aku tidak mahu disamakan dengan apa-apa pun. Aku menghukum orang yang membenci Aku. Aku juga menghukum keturunan mereka sehingga generasi yang ketiga dan keempat. Tetapi Aku menunjukkan kasih-Ku kepada beribu-ribu keturunan orang yang mengasihi Aku dan taat kepada hukum-Ku.
<input type="radio"/>	3. Jangan sebut nama-Ku untuk maksud yang jahat kerana Aku Tuhan, Allah kamu, menghukum sesiapa sahaja yang menyalahgunakan nama-Ku.
<input type="radio"/>	4. Rayakan hari Sabat dan hormatilah hari itu sebagai hari yang suci. Kamu mempunyai enam hari untuk bekerja tetapi hari yang ketujuh ialah hari rehat yang ditahbiskan untuk Aku. Pada hari itu seorang pun tidak boleh bekerja: sama ada kamu, anak kamu, abdi kamu, ternakan kamu, atau bangsa asing yang tinggal di negeri kamu. Dalam masa enam hari Aku, Tuhan, telah menciptakan bumi, langit, laut, dan semua yang ada di dalam segalanya itu, tetapi pada hari yang ketujuh Aku berehat. Itulah sebabnya Aku, Tuhan memberkati hari Sabat dan mengkhaskannya bagi-Ku.
<input type="radio"/>	5. Hormatilah bapa dan ibu kamu, supaya kamu panjang umur di tanah yang akan Aku berikan kepada kamu.
<input type="radio"/>	6. Jangan membunuh.
<input type="radio"/>	7. Jangan berzina
<input type="radio"/>	8. Jangan mencuri
<input type="radio"/>	9. Jangan berikan kesaksian palsu tentang orang lain.
<input type="radio"/>	10. Jangan ingini kepunyaan orang lain; rumahnya, isterinya, abadinya, ternakannya, keldainya atau apa-apa miliknya.

Santapan Minda


Sepuluh Hukum tidak ditetapkan oleh Tuhan untuk mengawal kebebasan kita tetapi ia mencerita kasih Tuhan kepada umat-Nya. Allah adalah seperti seorang Bapa yang mengasihi anaknya dan meletakkan batas-batas demi melindungi anak-anak-Nya dan membimbing mereka untuk kehidupan yang bermakna dan teratur. Tuhan Pencipta manusia tahu cara yang terbaik untuk menjalin perhubungan dengan Dia dan sesama manusia.



Doa

Ucapkanlah syukur kepada TUHAN Allah Pencipta kita yang telah meletakkan Sepuluh Hukum untuk manusia untuk menjadi penuntun bagi mereka. Berdoalah agar Tuhan akan membantu anda untuk mengerti setiap hukum yang ada dalam Sepuluh Hukum sepanjang 10 sesi pelajaran ini.

Tuhan Kita Cemburu?





Ayat Mas Alkitab

“Jangan sembah tuhan-tuhan lain; sembahlah Aku sahaja.” (Keluaran 20:3)



Kata-kata Mutiara

Anak-anak Tuhan yang rela menggantikan Tuhan untuk benda atau manusia lain dalam hati mereka sebenarnya sedang menyembah berhala. Berhala itu mungkin bolasepak, populariti mereka, impian, wang atau apa sahaja.



Pencetus Minat

Lihat majalah-majalah dan suratkhobar yang dibawa oleh pembimbing anda. Tuliskan dan senaraikan 10 benda atau perkara yang anda suka dan yang paling anda ingini dalam hidup anda. Senarai ini boleh merupakan manusia (pemain bolasepak, tokoh politik, pelakon), benda-benda ataupun hobi anda.

1.	6.
2.	7.
3.	8.
4.	9.
5.	10.

Apa yang boleh kita simpulkan di sini?

Kalau anda mencintai sesuatu dalam senarai ini lebih daripada Tuhan, ini bererti ia sudah menjadi _____ anda.

Penyembahan berhala sedang berleluasa sewaktu Tuhan memberi Sepuluh Hukum. Berhala ini termasuk dewa-dewa yang dibuat daripada kayu dan batu. Ada berhala tertentu yang disaluti emas atau besi. Anda mungkin akan merasa hairan kerana Terah, bapa Abram adalah seorang penyembah berhala. Tuhan kemudiannya memanggil Abram (Abraham) untuk meninggalkan tanahairnya (Yosua 24:2). Ketika Musa berada di Gunung Sinai umat Tuhan sedang membuat berhala lembu emas! (Keluaran 32:1).

Lembu emas saya pada hari ini ialah _____, _____,
_____, _____.

Tuhan berkata orang yang membuat berhala, dan yang menyembah kepada berhala akan menjadi seperti berhala mereka. Kalau kita menyembah wang kita akan menjadi mata duitan! (Mazmur 115:8)



Aktiviti Bersama

Adakah Tuhan Berhak Menuntut Penyembahan Yang Tidak Berbelah Bagi?

1. Kalau seorang suami melihat isterinya jatuh hati dengan lelaki lain, dia akan menjadi cemburu dan marah. Menurut anda apakah dia berhak marah? Kenapa?
2. Tuhan ingin menjadi yang pertama dalam hati anda dan Dia ingin anda menyembah-Nya dengan segenap hati. Dalam Keluaran 20:5-6, Tuhan tidak suka disamakan dengan apa-apa pun. Adakah Tuhan berhak menuntut hati umat Israel? (Keluaran 20:2; Ulangan 4:32-40)
3. Adakah Tuhan Yesus berhak menuntut kasih kita yang tidak berbelah bagi? Kenapa? (Yohanes 14:15)



Renungan Firman Tuhan

1. Mengapakah Tuhan tidak ingin umat-Nya menyembah tuhan-tuhan lain? (Yesaya 43:18-22)
2. Perbuatan-perbuatan apakah yang dibenci oleh Allah dalam penyembahan berhala? Kenapa? (Ulangan 18:9-13)

3. Perbuatan apakah yang dikaitkan oleh Rasul Paulus sebagai orang yang menyembah berhala? (Efesus 5:3,5)

4. Apakah yang diseru oleh nabi Yehezkiel kepada orang yang menyembah berhala? (Yehezkiel 14:4,6)

5. Apakah yang dikatakan oleh Matius 6:24 mengenai hal yang terutama dalam hidup kita?

6. Apakah nasihat Rasul Yohanes jika kita ingin sungguh-sungguh hidup bersatu dengan Allah? (1 Yohanes 5:21)



Renungan Peribadi

Tuliskan 'berhala-berhala & dewa-dewa' anda dalam sehelai kertas. Kemudian koyak-koyakkannya dan buang ke dalam tong sampah sebagai satu simbolik untuk tidak menduakan Tuhan.

Santapan Minda

“Apabila kita meninggalkan Allah yang benar, kita tidak memiliki ukuran yang benar untuk tingkah laku kita”

~ Dr. Rufus Von Klein Smid



Doa

Selidikilah berhala-berhala dalam hatimu dan keluarkannya dengan segera kerana berhala akan menghalangi perhubungan yang intim dengan Tuhan.

Kuduskan Nama Tuhan





Ayat Mas Alkitab

“Jangan menyebut nama TUHAN, Allahmu, dengan sembarangan, sebab TUHAN akan memandang bersalah orang yang menyebut nama-Nya dengan sembarangan.” (Keluaran 20:7)



Kata-kata Mutiara

Nama Tuhan yang termulia mesti disanjung tinggi dan diharumkan pada setiap minit dan saat oleh bibir ciptaan-Nya.



Aktiviti Bersama **TUHAN Mempunyai Banyak Nama**

Padankan beberapa nama Tuhan yang terdapat dalam Perjanjian Lama dengan maksudnya.

Nama-Nama TUHAN Dalam Perjanjian Lama	Maksudnya
1. Elohim (Kejadian 1:1)	Tuhan yang menghakimi dunia
2. El Shaddai (Kejadian 17:1) Ikkanos (Yunani)	Tuhan adalah Damaiku
3. Adonai (Kejadian 15:2)	Tuhan yang menyediakan
4. Yehovah (Kejadian 2:4)	Tuhan adalah Terangku
5. Yehovah Yireh (Kejadian 22:14)	Tuan (Bahasa Inggeris: <i>Master/Lord</i>)
6. Yehovah Rophe (Keluaran 15:22-26)	Tuhan adalah Gembalaku
7. Yehovah Ori (Mazmur 27:1)	Yang Wujud Sendiri
8. Yehovah Roi (Mazmur 23:1)	Tuhan yang menyembuhkan
9. Yehovah Shalom (Hakim-Hakim 6:24)	Tuhan yang Maha Kuasa
10. El Rai (Kejadian 16:13)	Tuhan melihat aku
11. Elohim-Shophetim Ba-arets (Mazmur 58:12)	Tuhan Sang Pencipta



Renungan Firman Tuhan

1. Bagaimanakah kita menunjukkan bahawa kita bangga dengan nama Tuhan? (Mazmur 22:23)

2. Mengapakah ramai orang yang mengakui mengenal Tuhan tetapi membawa keraguan kepada orang lain? (Yakobus 3:4-6)

3. Mengapakah Tuhan melarang kita bersumpah walaupun dalam nama bumi dan langit? (Matius 5:33-37)

4. Mengapakah orang yang mengakui mengenal nama-Nya tidak semestinya diterima pada Hari Kiamat? (Matius 25:31-46)



Renungan Peribadi

1. Pernahkah anda menyalahgunakan nama Tuhan untuk menggutuk seseorang?	
2. Pernahkah anda menggunakan nama Tuhan untuk membuat alasan?	
3. Pernahkah anda menggunakan nama Tuhan untuk menakutkan orang?	
4. Pernahkah anda menggunakan nama Tuhan untuk menghebohkan kemampuan sendiri?	
5. Pernahkah anda menggunakan nama Tuhan untuk mendapat respon yang tertentu?	
6. Pernahkah anda memburukkan nama Tuhan dalam percakapan anda?	
7. Pernahkah perbuatan anda membawa penghinaan kepada nama Tuhan?	
8. Pernahkah anda menggunakan nama Tuhan sewaktu membuat gurauan yang tidak senonoh seperti apa yang biasa anda tonton dalam filem-filem Bahasa English?	

Tuliskan lima perkara yang anda boleh buat untuk menghargai, memuliakan dan mengharumkan nama Tuhan. Kemudian bertukar pendapatlah dengan kawan-kawan anda. Yang pertama sudah dituliskan untuk anda.

- 1 Memberitahu seorang kawan tentang berkat Tuhan dalam kehidupan saya.
- 2
- 3
- 4
- 5

Santapan Minda

Ingat Akan Nama Yesus

Ingat akan nama Yesus, kamu yang menanggung berat,
Nama itu beri kekuatan, bagi orang yang penat,
Indahlah nama-Nya, perlindungan yang teguh.

Ingat akan nama Yesus, tempat berlindung teduh.
Walau godaan menimpa, la perisai teguh,
Indahlah nama-Nya, perlindungan yang teguh.

Nama Yesus sungguh indah, mengemarkan jiwaku,
la selalu beri penghiburan, aku mahu puji nama-Nya,
Indahlah nama-Nya, perlindungan yang teguh.

~ Lydia Baxter dan W.H. Doane

➡ Aktiviti Tambahan

Buat satu kajian tentang nama-nama Allah. Anda boleh menggunakan nama-nama tersebut untuk dijadikan satu poster yang indah untuk dihiasi di kelas.



Doa

Berdoa dan memuji Tuhan menurut nama-nama Tuhan. Pujilah kebaikan-Nya yang berhubungan dengan nama-nama tersebut.

Kuduskan Hari Sabat





Ayat Mas Alkitab

“Rayakanlah hari Sabat dan hormatilah hari itu sebagai hari yang suci” (Keluaran 20:8)



Kata-kata Mutiara

Kalau kita memperhatikan hari Sabat kita memberi diri kita waktu untuk berehat, memberi fokus pada ibadah dan meluangkan lebih masa untuk mendengar daripada Tuhan. Selain daripada itu, kita juga memperbaharui batin dan tenaga kita untuk menghadapi minggu yang baru bersama dengan Tuhan.



Aktiviti Bersama

Cerita Orang Farisi Dan Hari Sabat

Golongan Farisi pada zaman Tuhan Yesus telah menetapkan satu senarai tindakan yang tidak boleh dan boleh dilakukan pada hari Sabat. Mereka membuat banyak peraturan lucu dalam tulisan mereka yang berjudul “**Pirke Aboth**” yang bererti pemagari hukum. Contohnya, seorang penjahit tidak boleh mengambil jarum bahkan pada hari menjelang Sabat, dia harus cepat-cepat menyimpannya sebelum terlambat! Pada hari Sabat, mereka tidak boleh berjalan terlalu jauh dan mereka hanya terbatas kepada dua pertiga batu!

Pada suatu hari Sabat, Tuhan Yesus berada di rumah ibadah dan di sana ada seorang perempuan yang dirasuk syaitan selama lapan belas tahun. “Ketika Yesus melihat perempuan itu, Dia memanggil dia dan berkata kepadanya, “Hai ibu, penyakitmu telah sembuh.” (Lukas 13:12) Tuhan Yesus meletakkan tangan-Nya atas perempuan itu, dan pada waktu itu juga berdirilah perempuan itu, dan memuliakan Allah.” (Lukas 13:13) Keadaan rumah ibadah itu menjadi huru-hara kerana orang yang berada di sana mencaci Tuhan Yesus kerana Dia menyembuhkan orang pada Hari Sabat.

Tuhan Yesus menegur mereka lalu berkata, “Hai orang-orang munafik, bukankah setiap orang di antaramu melepaskan lembunya dan keledainya pada hari Sabat dari kandangnya dan membawanya ke tempat minumannya?” (Lukas 13:15)

Pada suatu hari ketika murid-murid Yesus melalui satu ladang gandum, mereka memetik bulir gandum. Beberapa orang Farisi mempermasalahkan hal ini dan berkata, “Lihatlah, para pengikutmu telah melanggar Taurat kita dengan melakukan perbuatan itu pada hari Sabat.” (Markus 2:24) Tuhan Yesus berkata kepada mereka, “Hari Sabat ditetapkan untuk kepentingan manusia; manusia tidak dijadikan untuk hari Sabat. Oleh itu, Anak Manusia juga berkuasa atas hari Sabat.” (Markus 2:27-28)

 **Bincangkan...**

1. Apa yang anda mengerti sebagai hari Sabat?
2. Adakah hari Sabat bererti anda tidak boleh keluar untuk membuang sampah, tidak boleh memasak, tidak boleh menjahit butang yang jatuh dari kemeja anda? Apakah erti Sabat yang sebenarnya?
3. Bincangkan dalam kelompok anda (a) Siapa pemilik Sabat? dan (b) Untuk siapakah hari Sabat dicipta?
4. Adakah hari Sabat bererti “6 hari kita bertungkus-lumus bekerja sehingga kita melupakan Tuhan, dan hanya akan ingat Tuhan dan beribadah pada hari Sabat”?



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah yang dikatakan Alkitab kepada orang yang terlalu sibuk sehingga tidak pernah ada waktu untuk Tuhan? (Matius 16:26)
2. Apakah yang dikatakan oleh Yesaya 30:15 mengenai sumber kekuatan kita?
3. Apakah yang diperintahkan oleh Nehemia kepada penduduk Yehuda dan menurut anda kenapa ini penting sebagai sebahagian daripada pembaharuan yang diadakan oleh Nehemia? (Nehemia 13:15-22)

- 4. Kepada siapakah kita boleh menemukan kelegaan pada hari Sabat?
(Matius 11:28-29)

- 5. Apakah yang akan terjadi setelah kita menunggu Tuhan dan mencari Dia? (Yesaya 40:31)

Padankan jawapan dengan pernyataan-pernyataan di bawah:

Kebaikan Memperhatikan Hari Sabat	Jawapan-Jawapan
1. Pascal seorang ahli falsafah berkata, "Dalam hati manusia ada vakum yang kosong." Oleh itu kita perlu ...	a. kuasa tranformasi daripada Tuhan.
2. Selain daripada berehat secara jasmani dan rohani kita harus memperbaharui mental kita dengan	b. perlu berehat secara jasmani.
3. Kita seperti kereta yang perlu memperbaharui baterinya, maka kita ...	c. akan mengalami tekanan mental dan tidak boleh berfikiran jelas.
4. Kalau anda kesuntukan waktu dan tidak pernah ada Sabat untuk jiwamu maka ...	d. dihubungkan dengan sumber kasih dan kuasa iaitu Allah.
5. Orang yang mengalami terlalu banyak tekanan secara mental mungkin akan ...	e. anda tidak akan mengalami kekayaan hidup dalam Yesus Kristus dan bankrupt secara rohani.



Renungan Peribadi

I. Saya selalu tidak perhatikan Sabat dan selalu memberi alasan

II. Saya memerhatikan hari Sabat, saya ke gereja tetapi bermain komputer dan menonton televisyen sepanjang hari. Seharusnya saya boleh

III. Saya tahu kalau saya tidak memperhatikan hari Sabat saya akan kerugian kerana

IV. Saya membuat satu komitmen bahawa saya akan

Belajarlah Daripada Eric Liddell

Anda terlalu banyak pekerjaan atau tugas di sekolah sehingga tidak boleh beribadah atau datang ke gereja atau persekutuan pemuda-pemudi? Belajarlah daripada cerita Eric Liddell ketika dia masih menuntut sebagai seorang mahasiswa di Universiti Edinburgh. Ceritanya yang mengharumkan nama Tuhan telah dirakamkan dalam filem “**Chariots of Fire.**”

Baca petikan ceritanya di Santapan Minda.



Santapan Minda

Eric Liddell bukan olahragawan yang biasa-biasa tetapi dia terkenal dengan kasihnya kepada Tuhan sehingga tidak ada peristiwa yang lebih penting dalam kehidupannya yang boleh mengganggu Hari Sabatnya. Kemasyhuran mahupun pingat emas Olimpik tidak dapat membeli ketaatannya kepada Tuhan. Sekalipun Putera Wales dan Ahli Jawatankuasa Olimpik mendesaknya untuk tidak memperhatikan Hari Sabat hanya sekali sahaja untuk bertanding, dia tidak tunduk kerana baginya Tuhan adalah Raja yang harus disembah.

Adiknya Jennie juga kluatir akan abangnya kerana dia terlalu mengambil berat kepada misi dan pertandingan tidak terlalu penting baginya. Eric Liddell berkata kepadanya, "Saya percaya Tuhan telah mencipta saya untuk tujuan yang khusus dan Dia yang membuat saya pantas, dan apabila saya berlari saya dapat merasakan kegembiraan-Nya."

Semua orang kecewa dengan Eric. Menurut mereka dia berfikir sempit dan kolot dalam hal agama apabila dia berkeras tidak mahu bertanding di acara lari 100 meter di Sukan Olimpik yang berlangsung pada hari Sabat. Kemudian Eric bertanding dalam 400 meter dan dia memenangi pingat emas. Para wartawan berkata dia berlari seperti seorang yang terilham dan menanyakan Eric siapa yang mengilhaminya. Ketika dia membuka tangannya yang berpeluh, di dalam genggamannya ada secarik kertas yang tertulis, "Sesiapa yang menjunjung Aku, dia akan Aku junjung."



Doa

Berdoa agar anda dan kawan-kawan anda akan belajar berehat pada hari Sabat (iaitu satu hari dalam seminggu) dan menguduskan hari Sabat dengan beribadah sepenuh hati kepada Tuhan.

Hormati Kesucian Nyawa Orang Lain





Ayat Mas Alkitab

“Seorang pembunuh akan merasa dikejar-kejar sampai ke ajalnya. Jangan cuba menolong dia.” (Amsal 28:17)



Kata-kata Mutiara

Hukum yang mengatakan, “Jangan berzina; jangan membunuh; jangan mencuri; jangan tamak...sudah disimpulkan menjadi satu hukum sahaja, “Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi diri sendiri.” Orang yang mengasihi orang lain, tidak akan berbuat jahat kepada orang itu.



Pencetus Minat

Pembunuhan ialah tindakan mengambil nyawa seseorang dan ini melanggar Hukum yang keenam dalam Sepuluh Hukum Allah, “Jangan membunuh.” (Keluaran 20:13)

Ted Bundy telah menggemparkan penduduk Amerika. Tidak ada orang menyangka bahawa dia akan menjadi pembunuh yang telah membunuh 28 wanita dan gadis dengan kejam kerana dia berasal dari keluarga yang tidak merokok, berjudi atau ketagihan alkohol. Dia lulus dari Universiti Washington dan telah diterima ke Utah School of Law. Dia merupakan seorang jejak yang kacak dan pintar.

Ted Bundy berkata pornografi telah masuk ke rumahnya, merampasnya sehingga dia ketagihan dan akhirnya terlibat dalam pembunuhan. Ketika dia berumur tiga belas tahun, dia tersandung pada setumpuk majalah pornografi yang dibuang berdekatan dengan rumahnya. Dia menjadi ketagihan pornografi selepas membacanya berulang kali, dan menginginkan bacaan yang lebih teruja. Akhirnya, dia cuba memenuhi segala fantasi yang dibacanya dan mulai mencari mangsanya. Dia akan berpura-pura tercedera kaki dan berdiri di tepi jalan untuk mendapat simpati daripada golongan wanita. Apabila mereka menolong dia dan mempelawa dia ke keretanya, dia akan suruh mereka membawa dia ke tempat di mana dia akan membunuh mereka. Mangsa terakhir Bundy ialah seorang gadis berumur 12 tahun yang diseksa dan dilemparkan ke dalam kandang babi.

Dia ditangkap pada Februari 15, 1978 di Florida dan dipenjarakan selama 10 tahun. Pada Jan 24, 1989, dia dijatuhkan hukuman mati di atas kerusi elektrik.

Di bawah ini adalah sebahagian daripada petikan yang diambil daripada wawancara antara Dr. James Dobson, seorang pakar psikologi dengan Ted Bundy, seorang pembunuh.

Dr. Dobson: Mari kita berbincang tentang latar belakang keluarga kamu. Saya difahamkan bahawa kamu berasal daripada keluarga yang sihat.

Ted Bundy: Sangat

Dr. Dobson: Kamu tidak pernah dianiayai secara jasmani, seksual, atau emosional.

Ted Bundy: Tidak, tidak pernah... Ketika saya berumur tiga belas tahun saya terserempak dengan setumpuk majalah pornografi di luar rumah saya. Setelah itu, dari waktu ke waktu saya membaca buku-buku pornografi yang lebih keras... dan ini termasuk perkara-perkara seperti dari majalah detektif.

Dr. Dobson: ... dan yang melibatkan jenayah?

Ted Bundy: Ya. Pornografi yang paling membinasakan ialah yang melibatkan jenayah seksual. Perkahwinan antara kedua-duanya akan menghasilkan sifat yang ngeri untuk dijelaskan.

Dobson: Sekarang saya sungguh-sungguh mengerti bahawa kamu telah mencetuskan kehidupan fantasi dengan bahan cetakan dan mengambil langkah yang kecil atau besar sebelum melakukan peristiwa itu.

Ted Bundy: Menurut pengalaman saya dengan pornografi yang ada hubungan dengan kekerasan seksual, sekali kamu ketagihannya, kamu akan merindui sesuatu yang lebih teruja sehingga kamu ingin melakukan lebih daripada sekadar membaca atau melihat gambar...

(Akhirnya, Ted berkata dia berduka dan menyesal atas perbuatannya khususnya terhadap mereka yang telah dilukai, terutama kepada ibubapa yang berada dalam perkabungan kerana perbuatannya. Dia khawatir media yang memaparkan pelbagai jenis kekejaman seks akan membentuk sifat yang ngeri dalam pemuda-pemudi.)

Dipetik dari buku "Life on the Edge", tulisan James Dobson

1. Apakah perasaan ibu bapa mangsa-mangsa Ted Bundy?
2. Apakah perasaan Ted sewaktu dijatuhkan hukuman mati?
3. Apakah yang menyebabkan Ted salah langkah dalam kehidupannya?



Aktiviti Bersama

Motif Pembunuhan

Pembunuhan boleh berpunca daripada pelbagai motif. Dalam kelompok anda bincangkan tentang pelbagai motif yang boleh melatar-belakangi kes-kes pembunuhan ini.

(1) Kes pembunuhan Canny Ong

Pada hari jumaat, 13 Jun 2008, Canny Ong diculik sewaktu dia pergi ke keretanya. Keluarganya dan suaminya menantikan berita kehilangannya dengan cemas dan takut. Empat hari kemudian, tubuh Canny ditemukan dalam keadaan sudah dibakar dan diperkosa. Apakah sebab utamanya?

(Ahmad Najib dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 23 Februari, 2005 atas kesalahan membunuh Ong, di Batu 7, Jalan Klang Lama antara 1 pagi dan 5 pagi pada 14 Jun 2003. Dia juga dihukum penjara 20 tahun dan 10 sebatan oleh Mahkamah Tinggi yang sama selepas dia didapati bersalah merogol Ong pada masa, hari, dan tempat yang sama — Bernama)

Motifnya: _____

(2) Kes Pembunuhan Oi Ying-Ying

Seorang anak kecil yang bernama Oi Ying Ying dikatakan hilang dan kemudiannya ditemui mati ketika ibunya pergi membayar tiket letak kereta di pasar Bayan Baru. Mayat mangsa dipercayai telah dibakar dan abunya ditemui di kawasan Perkuburan Cina Paya Terubong. Di sini juga dijumpai cebisan pakaian dan tulang-tulang anak kecil ini. Ibunya yang memberi maklumat yang meragukan telah ditahan dan akhirnya, teman lelakinya didapati bersalah membunuh anak kecil ini.

Walaupun neneknya menangis tersedu-sedu, Ying Ying tidak dapat dihidupkan.

Motifnya: _____



Renungan Firman Tuhan

1. Kenapa Tuhan melarang kita mengambil nyawa seseorang? (Kejadian 1:27)
2. Apa erti “mengambil nyawa manusia”? (Kejadian 9:6)
3. Pembunuhan yang pertama di dunia ini adalah pembunuhan Habel oleh Kain. Mengapakah Kain membunuh Habel? (Kejadian 4:1-7)
4. Apakah yang terjadi kepada Kain setelah dia membunuh Habel? (Kejadian 4:7-16)
5. Siapakah kita diibaratkan kalau kita membunuh? (Yohanes 10:10)



Renungan Peribadi

- ✍ Adakah anda pernah melanggar Hukum yang Keenam ini?
- ✍ Benarkah kita tidak pernah melanggar hukum ini, mari kita membaca Matius 5:21-22, 27-28.
- ✍ Sekarang semak jawapan anda dan jawabnya sekali lagi. Pernahkan anda membunuh?
- ✍ Menurut tafsiran Yesus, bolehkah anda membuat satu formula untuk Hukum Keenam dan Hukum Ketujuh?
- ✋ Renungi kemarahan dan kebencian anda yang melukai orang lain, dan ambillah langkah positif untuk memperbaikinya. Perkataan kita boleh membunuh jiwa dan semangat seseorang.

Santapan Minda

Jangan membunuh...
Setiap pembunuh akan menjadi pelari seumur hidup
Setiap deruan angin bagai suara mangsanya
Setiap titisan air bagai ledakan bom
Setiap bisikan bagai ancaman nyawamu
Setiap pembunuh akan dipenjarakan oleh ketakutan sendiri
Setiap detik pembunuhan akan ditayangkan untuk menghantui
minda
Setiap bayangan sendiri akan mengejut kalbu sendiri
Status seorang pembunuh adalah pelari seumur hidup
Jangan membunuh

~Tan Hwee Yong (dipetik dari buku *Bayu Pengharapan*)



Doa

Saling berdoa agar anda segera berpaling daripada dosa dan memuliakan nama Tuhan. Ingatlah sewaktu kita melontarkan kata-kata yang kejam dan menyakiti hati seseorang itu pun dianggap sebagai membunuh, kerana kita membunuh harga diri dan nilai seseorang yang dicipta dalam imej/gambaran Tuhan! Sewaktu kita marah dan benci terhadap seseorang dan meneriak “Bodoh!” atau “Pergi mampuslah!” kita sedang membunuh!

Jangan Berzina





Ayat Mas Alkitab

“Perkahwinan harus dihormati oleh semua orang. Suami isteri harus setia kepada satu sama lain. Allah akan menghakimi orang yang melakukan perbuatan cabul dan orang yang berzina” (Ibrani 13:4)



Kata-kata Mutiara

Kamu sudah mendengar ajaran seperti berikut: ‘Jangan berzina.’ Tetapi sekarang Aku berkata kepada kamu: Sesiapa memandang seorang wanita dengan perasaan berahi, orang itu sudah berzina dengan dia di dalam hati. (Matius 5:27-28)



Aktiviti Bersama Dosa atau Tidak?

Warnakan merah jika ayatnya menunjukkan satu dosa perzinaan, dan warna hijau untuk yang tidak menunjukkan dosa ini.

1. Sabrina mula membayangkan apa yang di baca dari novel cinta yang mempunyai babak penuh dengan sensasi seks.	○
2. Sam melihat gambar-gambar model yang memakai pakaian jarang dan baju renang dari majalah dengan penuh berahi.	○
3. Esther menjalin perhubungan sulit dengan lelaki lain apabila suaminya ke luar negeri.	○
4. Billy sering kali tersandung laman web yang menunjukkan babak lucah sewaktu mencari bahan untuk kajiannya tetapi cepat-cepat menutupnya.	○
5. Niko selalu memandang Sarah dengan berahi tetapi dia tidak pernah menyentuhnya.	○
6. Bapa Chua menyimpan seorang perempuan di luar namun dia tetap menjaga keluarganya dengan baik dan memperlakukan isterinya dengan baik. Dia selalu memberi mereka wang dan merupakan seorang ayah yang baik.	○
7. Teik Guan menonton filem lucah tetapi dia tidak pernah menyentuh seorang gadis pun.	○
8. Roy menghormati kawannya tetapi sewaktu bersendirian di bilik, dia suka membayangkan sesuatu yang tidak sopan terhadap kawannya. Roy berjanji kepada diri sendiri bahawa dia tidak akan berlaku kurang baik terhadap kawannya itu!	○
9. Ujang tinggal bersama dengan teman perempuannya dan berkata dia akan mengahwini perempuan itu.	○

Ukuran Allah untuk kekudusan seks ialah **seratus peratus** dan tidak ada tawar-menawar dalam hal ini. Dia telah memberi seks sebagai satu pemberian khusus dan kudus untuk perkahwinan. Kekudusan yang diperintahkan-Nya boleh dibahagikan kepada dua aspek.

- a. Yang pertama, seorang lelaki/perempuan tidak boleh menjalin perhubungan seks dengan orang yang bukan isteri/suaminya.
- b. Yang kedua, seorang perempuan/lelaki tidak boleh berfikiran atau membayangkan sesuatu yang sensual terhadap orang lain yang bukan suami/isterinya.



Renungan Firman Tuhan

1. Mengapakah Yesus berkata kalau kita melihat seseorang dengan bernafsu dan walaupun kita tidak menyentuhnya, kita sudah berzina? (Matius 5:27-30)
2. Dengan siapakah kita boleh bersatu dalam perhubungan intim? (Kejadian 2:24)
3. Alkitab berkata seseorang yang berzina akan menghancurkan diri sendiri. Dari segi apakah dia akan menghancurkan dirinya? (Amsal 6:32-34)
4. Mengapakah perzinaan dikatakan berbeza dengan dosa-dosa yang lain? (1 Korintus 6:18)
5. Apakah nasihat Paulus kepada Timotius dalam hal ini dan mengapa dia menasihati Timotius begitu? (2 Timotius 2:22)
6. Jelaskan apakah perasaan Daud setelah dia jatuh dalam dosa perzinaan? (Mazmur 51:4-6)

7. Bagaimanakah kita menjauhi godaan, pencubaan atau kemungkinan terperangkap dalam perzinaan ? (1 Korintus 15:33)



Renungan Peribadi

Perzinaan boleh membakar sebuah rumahtangga dan menghancurkan kehidupan seorang individu. Seseorang individu yang terlibat dalam perzinaan mesti segera bertaubat, meminta pengampunan daripada Tuhan, pasangan hidupnya, dan juga gereja. Setelah itu individu ini mesti memulihkan perhubungannya dengan Tuhan dan pasangan hidupnya.

1. Kepercayaan teman hidup akan tergoncang oleh perzinaan.
2. Teman hidup anda akan merasa terhina, dikhianati, terancam dan tertolak dalam perasaannya.
3. Nama Tuhan dan nama baik keluarga kita akan tercemar. Kesaksian orang yang melakukan zina akan diragukan oleh anggota keluarga, teman-teman dan jiran-jiran.
4. Penyakit kelamin mungkin akan mengancam seseorang dan teman hidup seseorang kalau seseorang menjalin perhubungan seks rambang.
5. Kepercayaan anak-anak orang itu akan tergoncang dan akar kepahitan akan timbul.
6. Perkahwinan mungkin akan binasa kalau teman hidup seseorang itu tidak dapat mengampuninya.

Saya membuat satu komitmen _____
_____ kerana perzinaan akan mencemar nama Tuhan, menghancurkan saya dan keluarga saya.

Santapan Minda

Seks yang dilakukan di luar konteks perkahwinan dan dijadikan sesuatu yang jasmani akan menurunkan kita ke sesuatu yang kurang manusiawi. Seringkali kita akan bertindak sebagai binatang-binatang tanpa kawalan. Dalam proses ini kita menjatuhkan nilai kita dan nilai orang lain.
~ Glen S. Martin



Doa

Berdoalah agar Tuhan melindungi fikiran anda daripada godaan berbentuk seksual.

Jangan Mencuri





Ayat Mas Alkitab

“Jangan Mencuri.” (Keluaran 20:15)



Kata-kata Mutiara

Dia memperhatikan kelakuan manusia, dan meneliti semua langkah mereka. Tiada kegelapan yang cukup gelapnya untuk menyembunyikan orang berdosa. (Ayub 34:21-22)



Aktiviti Bersama

Cerita dari Filem “Emperor’s Club”

Sedgewick Bell seorang anak senator yang kacac telah menipu sewaktu sekolahnya mengadakan pertandingan “Mr. Julius Caesar”, suatu pertandingan sejarah antara tiga murid yang terbaik. Murid yang memenangi pertandingan akan diberi gelaran Julius Caesar. Sedgewick yang berusaha untuk mengalahkan Deepak Mehta telah menipu. Dia telah menyembunyikan semua jawapannya di dalam lengan bajunya. Sewaktu dia tidak tahu jawapannya, dia akan mengangkat tangan dengan pura-pura memecet kepalanya untuk jawapan.

Gurunya, professor William Hundert yang mengetahui tipu helahnya mencabar agar Sedgewick Bell menjunjung kejujuran dan tidak menipu. Walau bagaimanapun Sedgewick tidak peduli dan telah melakukan pelbagai kejahatan di sekolah. Tidak ada orang yang berani mendisiplinnya kerana bapanya agak berpengaruh dan banyak menderma bagi sekolah. Sedgewick tidak menghirau nasihat gurunya dan tetap menjalani kehidupan yang suka menipu dan tidak menghormati kejujuran. Sekalipun markahnya tidak baik, dia tetap dapat masuk ke Universiti Yale kerana bapanya sungguh kaya dan berpengaruh.

25 tahun kemudian, pelajar sekolah mengadakan satu pertemuan alumni dan pertandingan Julius Caesar diadakan untuk mengumpulkan derma bagi sekolah lama mereka. Kini mereka semua adalah pemuda-pemudi yang bergaya dan sudah beristeri. Sedgewick, Deepak dan Martin bertanding lagi dalam pertandingan “Mr. Julius Caesar”. Sedgewick menipu lagi. Encik William Hundert mengetahuinya dan merasa sungguh kecewa kerana dia gagal mendidik Sedgewick. Sewaktu dia menanyakan hal ini, Sedgewick berkata orang seperti dia wujud di mana-mana sahaja dan siapa peduli! Dia menyahut, “Walaupun saya akan bertanding untuk senator dan semua orang pasti akan memilih aku.”

Sambung ...

... Sambungan

Encik William memberitahunya bahawa hidup ini bukan sekedar menjalani hidup melainkan hidup benar dan menanyakannya bagaimana sejarah akan mengingat dia. Encik William Hundret berkata, "Semua orang, pada suatu ketika nanti akan dipaksa untuk melihat diri kita sendiri di cermin dan melihat siapa diri mereka yang sebenarnya. Apabila hari itu tiba, Encik Sedgewick, kamu akan dihadapkan dengan satu hidup yang tidak bermoral, tanpa prinsip, dan untuk itu saya mengasihani kamu."

1. Setujukah kamu dengan Profesor William Hundert bahawa orang yang paling dikasihani ialah orang yang menipu dan bukan orang lain?
2. Setujukah anda dengan Sedgewick bahawa kita boleh menipu kerana penipu wujud di mana-mana sahaja dan itu adalah hal yang lumrah?

Anda akan dibahagikan kepada 3 kumpulan kecil. Setiap kumpulan akan mengambil satu cerita di bawah dan kemudian memberi laporan tentang ceritanya dan apa yang dapat dipelajari dari cerita-cerita ini. Lapornya harus menyentuh tentang watak orang itu, sikap mereka, dan kerelaan bertaubat.

- ① Lukas 19:1-10
- ② Yosua 7
- ③ Kisah Rasul-Rasul 5:1-11



Renungan Firman Tuhan

1. Alkitab bukan sahaja mengajar kita jangan mencuri tetapi kita harus lebih baik daripada itu. Baca Imamat 19:9-10 dan jelaskan bagaimanakah kita harus bersikap.
2. Apa kata Alkitab kalau orang tengah (peraih) membeli ikan-ikan dari nelayan dengan harga yang sangat murah dan kemudian menjualnya dengan harga yang jauh mahal? (Imamat 19:13)

3. Apakah yang dikatakan oleh Tuhan kepada para penindas yang mengambil barang-barang bukan kepunyaan sendiri dan mendirikan rumah di tempat tinggi? (Habakuk 2:9)
4. Nasihat apakah yang Allah berikan kepada orang yang suka mencuri atau meragut beg orang lain? (Efesus 4:28)



Renungan Peribadi

Pada akhir pernyataan, lukiskan ☹ untuk perkara yang menunjukkan anda pernah menipu atau mencuri; dan ☺ kalau anda tidak berbuat demikian.

1. Mengambil barang-barang dari supermarket tanpa membayar.
2. Mengambil wang dari tabung wang yang bukan milik anda.
3. Meniru tugasan/kerjarumah orang lain kerana malas.
4. Menipu dalam peperiksaan.
5. Mendapat lebih banyak wang daripada ibu atau bapa anda dengan cara berbohong bahawa anda perlu membeli buku.
6. Meminjam wang dan tidak mahu mengembalikannya.
7. Sewaktu bekerja dalam kumpulan, anda bermalas-malas. Walau bagaimanapun anda juga mendapat A sama seperti teman-teman lain dalam kumpulan.
8. Meminjam buku-buku dan tidak mahu kembalikannya kepada pemiliknya.
9. Mengambil wang dari dompet ibu bapa/abang/kakak tanpa pengetahuan mereka.
10. Mengambil soalan-soalan daripada kertas peperiksaan yang bocor.

11. Tidak pernah memberi kepada Tuhan walaupun mendapat banyak wang.
12. Makan di restoran dan tidak membayar atau pura-pura menghitung salah.
13. Berdiam sahaja walaupun anda tahu pekedai memberi wang kembalian yang lebih.
14. Membeli telur dan mi maggi dari kedai runcit dengan berhutang dan selepas itu tidak mahu lagi ke sana.

Allah telah memanggil kita untuk hidup jujur dan lebih menyerupai-Nya dalam kehidupan kita. Kehidupan seperti ini mungkin tidak mudah kerana kawan-kawan mungkin mengajak, "Jangan takut, menipu sedikit demi kebaikan sendiri bukanlah satu dosa besar." Namun Tuhan telah memanggil anda untuk hidup suci bagi Diri-Nya dan kerajaan-Nya. Anda harus memilih Tuhan dan membiarkan Tuhan memberkati anda daripada menipu dan menikmati buah penipuan buat sementara.

Tuliskan bagaimana anda boleh memperbaiki diri sendiri:-

1. Dari siapakah anda pernah meminjam wang dan tidak bayar? Bolehkah anda berusaha untuk membayarnya?
2. Pernahkah anda menipu seseorang? Kalau anda tidak mengingatnya lagi, minta agar Tuhan akan membawa nama orang itu kepada anda.

Santapan Minda

Perintah Tuhan untuk jangan mencuri dalam Keluaran 20:15 sebenarnya mengajar kita untuk memegang prinsip hidup yang menghormati harta benda milik orang lain. Menghormati hak milik orang lain adalah satu pilihan yang kita perlu buat setiap hari.

~ Lawrence O. Richards



Doa

Berdoa dan meminta agar Tuhan menolong anda menanggalkan semua tipu muslihat dalam kehidupan supaya ia tidak akan menjadi tabiat dalam kehidupan. Tabiat menipu akan memudaratkan orang lain dan diri kita sendiri. Berdoalah agar Tuhan mengubah anda supaya anda boleh hidup jujur dalam perkataan dan tingkah laku. Janganlah sampai kita menyesal pada satu hari kelak kerana hidup kita tidak berprinsip.

Kesaksian Palsu Dilarang!





Ayat Mas Alkitab

“Jangan memberi kesaksian palsu tentang orang lain”
(Keluaran 20:16)



Kata-kata Mutiara

Orang yang tidak ada kebenaran pada percakapannya boleh diibaratkan seperti gigi atau lutut yang bergoyah. Mereka tidak boleh dipercayai dan apa yang dikatakan oleh mereka selalu meragukan orang.



Aktiviti Bersama

Mengenal Kejujuran Sendiri

Di bawah ini adalah senarai enam jenis bohong. Tuliskan peristiwa di mana anda pernah berbohong. Kalau anda ingin merahsiakannya dari teman-teman, anda boleh melukis dengan lambang-lambang yang hanya diketahui oleh diri anda sendiri sahaja.

Jenis Bohong	Contoh	Saya pernah....
1. Bohong putih (White lies)	Ibu anda menggunting rambut tetapi itu tidak kelihatan sesuai untuknya. Tetapi anda berkata sangat cantik kerana anda mahu dia gembira.	
2. Bohong yang kejam	Anda dan beberapa calon lain akan bertanding untuk menjadi presiden kelab Bahasa Malaysia. Anda berbohong dan memburukkan nama mereka agar mereka kalah.	
3. Berbohong kerana takut	Anda takut didenda kerana tidak siap kerjarumah, maka anda berbohong buku anda hilang.	

Jenis Bohong	Contoh	Saya pernah....
4 Berbohong untuk jaga muka	"Saya telah mendapat 7A dalam peperiksaan saya."	
5. Berbohong supaya mendapat apa yang anda ingini.	"Tolonglah... dompet saya tercicir, saya perlu RM 5 saja untuk beli tiket bas."	
6. Berbohong supaya terlepas daripada sesuatu	"Maaf, saya terlalu sibuk dan tidak boleh datang ke pertemuan muda-mudi malam ini"	



Renungan Firman Tuhan

1. Mengapakah Amsal mengibaratkan orang yang memberi kesaksian palsu tentang teman atau kawan sebagai pedang atau panah? (Amsal 25:18)
2. Mengapakah kita perlu berhati-hati dengan orang yang bermulut manis? (Amsal 26:23)
3. Apakah yang dikatakan oleh Yesus mengenai hati orang yang berbohong? (Matius 12:34-35)
4. Siapakah dan apakah yang menjadi jawapan untuk mulut yang suka berbohong? (2 Korintus 5:17)

5. Amsal 6:16-19 menjelaskan tujuh perkara yang dibenci oleh Tuhan. Ada berapa perkara yang berkaitan dengan berbohong?
6. Apakah yang paling dibenci oleh Tuhan? (Amsal 12:22)



Renungan Peribadi

Ambil saat ini untuk merenungkan gaya percakapan anda. Adakah ia penuh dengan tipu muslihat dan tidak boleh dipercayai seperti gigi atau lutut yang bergoyah?

Minta Roh Kudus memberi anda kepekaan sehingga anda memperbaiki cara anda bercakap dan juga selidiki hatimu.

★
★ **Santapan Minda** ★
★
★
★ Seorang anak kecil perempuan mempunyai tabiat suka berbohong. ★
★ Dia berbohong setiap saat dan pada hari jadinya, ibu bapanya ★
★ memberi dia seekor anjing St. Bernard. Anak kecil ini pergi ke seluruh ★
★ kampung dan memberitahu bahawa ibu bapanya telah membeli ★
★ seekor singa untuknya. Sewaktu dia pulang ibunya memanggil dia ★
★ dan berkata, “Tolong pergi ke bilikmu dan meminta pengampunan ★
★ daripada Tuhan.” Anak perempuan itu naik ke bilik dan kemudian ★
★ turun dari tangga. Ibunya menanyakannya, “Sudahkah kamu meminta ★
★ maaf daripada Tuhan?” “Sudah, mama. Tuhan berkata kadangkala ★
★ memang susah membezakan seekor anjing dan singa.” ★
★ ~Dipetik dari *Treasury of Illustrations* ★
★



Doa

Nyanyi sebuah lagu dan minta Tuhan menyucikan mulut kita seperti Yesaya yang menangis dan meminta agar Tuhan menyucikan lidahnya sewaktu dia dipanggil oleh Tuhan.

Jangan Serakah





Ayat Mas Alkitab

“Tetapi Tauratlah yang menyebabkan aku tahu akan dosa. Jika Taurat tidak mengatakan, ‘Jangan tamak akan harta orang lain,’ aku tidak tahu akan ketamakan.” (Roma 7:7b)



Kata-kata Mutiara

Larangan terhadap keinginan akan kepunyaan orang lain merupakan hukum yang menggambarkan sesuatu yang tersirat dalam batin dan mental seseorang. Ia bukan halangan terhadap tindakan yang boleh dilihat namun ia adalah akar segala dosa terhadap seorang jiran. (Alkitab Cambridge)



Aktiviti Bersama

A. Pernahkah anda berkata-kata seperti berikut. Kalau anda pernah, tandanya.

- _____ 1. Saya akan rasa gembira selalu sekiranya saya dapat tinggal di rumah yang lebih besar.
- _____ 2. Saya pasti akan disukai ramai teman jika saya lebih cantik.
- _____ 3. Hanya kalau ibu bapa saya lebih kaya dan terkenal dalam masyarakat, saya akan bangga.
- _____ 4. Kalaulah saya ada bakat dan memiliki suara seperti Jacklyn Victor, saya akan menyenangkan hati ramai orang
- _____ 5. Hanya kalau saya dapat semua A dalam peperiksaan, saya akan popular.
- _____ 6. Saya pasti dapat menuntut di sekolah yang baik dan terkenal sekiranya keluarga saya kaya.
- _____ 7. Hanya kalau saya dapat menjadi ahli sukan yang berbakat.
- _____ 8. Kalaulah saya memiliki cincin dan perhiasan yang semahal itu.
- _____ 9. Hanya kalau saya dapat makan angin di luar negeri seperti dia.
- _____ 10. Kalaulah saja saya boleh menjadi pelakon utama dalam filem itu.

- B. Berikut adalah beberapa punca kenapa orang selalu mengingini lebih. Berilah jawapan atau bantuan untuk masalah-masalah tersebut.

Punca-puncanya	Jawapan Anda
1. Kurang penghargaan atas berkat yang diberikan oleh Tuhan.	
2. Sikap yang suka berbanding-banding.	
3. Sikap yang tidak puas dengan kemampuan sendiri.	
4. Kurang menyedari akan kebaikan dan kasih Tuhan.	
5. Perasaan ingin memiliki lebih banyak.	
6. Kurang menikmati apa yang diberikan oleh Tuhan.	
7. Kurang mengembang bakat sendiri.	
8. Hanya mementingkan hal-hal lahiriah sahaja.	



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah sebab yang menyebabkan Hawa rindu akan buah larangan itu? (Kejadian 3:6)
2. Apakah persamaan kes Raja Daud dan Hawa yang menyebabkan Daud jatuh dalam dosa perzinaan dan pembunuhan? (2 Samuel 11)

3. Bagaimanakah kita boleh menakluk fikiran dan keinginan kita? (2 Korintus 10:5)

4. Bagaimanakah nasihat Yesus boleh menolong kita mengatasi keinginan kita untuk memiliki kepunyaan yang tidak kita miliki? (Matius 6:31-33)

5. Apakah yang boleh kita pelajari daripada Paulus walaupun orang lain memiliki lebih banyak daripada kita? (Filipi 4:11-12)

6. Apakah kekayaan yang sebenarnya? (1 Timotius 6:6)

Santapan Minda

Apa sebenarnya maksud Hukum Tuhan untuk jangan tamakkan barang kepunyaan orang lain? Saya fikir itu adalah cara mutlak bagaimana kita menghormati kekudusan dengan menjaga motif dan tindakan kita. Sebab itulah enam hukum terakhir dalam Sepuluh Hukum Allah mengajar kita bagaimana cara untuk hidup rukun sesama manusia.


~ Chuck Colson



Doa

Berdiri dalam lingkaran dan berdoa beramai-ramai agar hati kita akan dibersihkan daripada segala berhala yang dapat menjadi batu sandungan dalam kehidupan kita.

Hati Yang Baru





Ayat Mas Alkitab

“Yesus menjawab, “Kasihilah Tuhan Allahmu dengan sepenuh hatimu, dengan segenap jiwamu dan dengan seluruh akalmu. Itulah perintah yang terutama dan yang terpenting! Perintah kedua sama penting dengan yang pertama: Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri. Seluruh Taurat Musa dan ajaran nabi-nabi berasaskan kedua-dua perintah ini.” (Matius 22:34-40)



Kata-kata Mutiara

Apabila kita mengasihi Tuhan dengan segenap hati dan mengasihi jiran kita, kita akan bersemangat memelihara seluruh hukum dan perintah Tuhan. Kebanyakan manusia hanya mementingkan diri dan fokus hidup mereka bukan kepada Allah mahupun orang lain tetapi diri sendiri.



Aktiviti Bersama

Cermin, Cermin Di Dinding

Sepuluh Hukum seperti cermin yang memperlihatkan segala dosa dan kekurangan kita. Bayangkan kad-kad yang ditunjukkan oleh pembimbing anda adalah cermin (Sepuluh Hukum), dosa apakah yang kita dapat lihat?

Semua manusia telah berdosa dan jauh daripada kekudusan Tuhan dan pasti kita pernah melanggar hukum Tuhan. Jadi apakah jawapannya?

Selidikilah ayat-ayat dalam Renungan Firman Tuhan di bawah dan dapatkan jawapannya.



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah yang dikatakan oleh Alkitab mengenai hati kita? (Yeremia 17:9)
2. Apakah yang dijelaskan oleh Paulus mengenai hukum dan Tuhan Yesus? (Galatia 3:23-25)

3. Bagaimanakah kita dapat menurut hukum-hukum Tuhan dengan lebih baik? (Yeremia 31:33)

4. Menurut Alkitab apa yang akan terjadi kalau kita menerima Kristus? (2 Korintus 5:17)


5. Bagaimanakah kita boleh hidup berkenan kepada Allah? (Roma 12:1-2)

6. Bagaimanakah kita tahu kita sudah menurut hukum-hukum Allah dengan baik?(Roma 13:10)

7. Bagaimanakah kita harus mengasihi sesama kita? (Matius 5:44)



Renungan Peribadi

1. Sebelum mengikuti sesi Sepuluh Hukum, saya membayangkan Sepuluh Hukum sebagai:
A simple line drawing of a string of beads. The string is curved and loops back, with several small circles representing beads. The string ends in a small loop.

2. Setelah mengikut sesi Sepuluh Hukum, saya memahami bahawa Sepuluh Hukum ialah cara Allah:

3. Sekarang saya mengerti bahawa tidak ada seorangpun yang dapat melaksanakan Sepuluh Hukum dengan sempurna sehingga Tuhan Yesus datang:



4. Saya sudah menjadi sahabat Allah dan Tuhan Yesus menuntun saya untuk melaksanakan Sepuluh Hukum dengan:



Santapan Minda

Adalah mungkin untuk memiliki belas kasihan tanpa kasih, dan adalah mungkin mempunyai kebaikan tanpa kasih; tetapi adalah mustahil untuk seseorang yang sudah mengenakan kasih melakukan sesuatu yang jahat dan tidak berbelas kasihan., kerana kasih itu bukanlah satu hiasan jubah. Kasih adalah jubah yang lengkap di mana semua yang lain diciptakan di dalamnya. Mengasihi itu adalah satu jalan kehidupan yang total.

~ Ray Anderson



Doa

Beri puji syukur kepada Tuhan Yesus yang telah menyelamatkan kita daripada hukuman dosa. Berdoalah agar kita akan hidup lebih disiplin dan memuliakan Tuhan lagi. Juga, berdoa agar kita akan mengasihi Tuhan dengan segenap hati dan sesama kita seperti kita mengasihi diri sendiri.

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Sepuluh Hukum untuk Pegangan Hidup



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami tujuan Allah menetapkan Sepuluh Hukum adalah untuk kebaikan manusia
2. Menyelidiki beberapa laporan yang memaparkan pelanggaran terhadap Sepuluh Hukum
3. Memahami latar belakang pemberian Sepuluh Hukum oleh Allah kepada umat-Nya dan Musa
4. Memahami beberapa aliran fikiran yang bercanggah dengan Sepuluh Hukum
5. Merenungi sejauh manakah ketaatan kita terhadap Sepuluh Hukum



Pencetus Minat

Bawa beberapa botol pil vitamin, ubat atau barang-barang lain yang mempunyai panduan penggunaannya. Berikan satu kepada setiap peserta dan tanyakan soalan-soalan berikut (sebagai alternatif, anda juga boleh memilih beberapa peserta untuk menjelaskannya):

- a. Berapa pentingkah panduan-panduan penggunaan yang terdapat pada barang tersebut?
- b. Apakah yang akan terjadi kalau kita tidak menurut arahan dalam sesuatu produk, katakan ubat atau barang-barang elektrik? Contohnya apakah yang akan terjadi kalau kita makan ubat tanpa menurut panduannya?
- c. Apakah yang akan terjadi kalau kita tidak menurut arahan-arahan firman Tuhan seperti Sepuluh Hukum? Kenapa?

Jelaskan kepada peserta-peserta bahawa Tuhan adalah Pencipta kita dan Dia tahu cara yang terbaik untuk kita menjalankan kehidupan kita. Contohnya pencipta mesin tahu cara menggunakan mesin dan memberi arahan kepada kita mengenai cara penggunaannya. Kalau kita tidak menggunakannya dengan teratur ini mungkin akan memudaratkan kita.

Sewaktu Allah memberikan Sepuluh Hukum, Dia bertujuan mendatangkan kebajikan dan kebaikan kepada kita. Hukum-hukum ini mengajarkan kita bagaimana mengasihi Tuhan dan sesama manusia. Sewaktu Tuhan membebaskan umat Israel dari belunggu perhambaan di Mesir, Dia memberi mereka hukum-hukum agar mereka boleh hidup bijaksana.

Takut akan Tuhan itu permulaan daripada segala kebijaksanaan, “Cara menjadi bijak adalah dengan menghormati Tuhan; Dia memberikan pengertian kepada semua orang yang mentaati perintah-Nya. Hendaklah Tuhan dipuji selama-lamanya.” (Mazmur 111:10)

Tuhan boleh diibaratkan sebagai Bapa yang menetapkan hukum-hukum agar anak-Nya hidup dengan bahagia dan terlindung.



Aktiviti Bersama

Bincang jawapan dengan mereka. Anda boleh membawa suratkhobar yang terbaru dan tunjukkan pelbagai pelanggaran terhadap Sepuluh Hukum.



Renungan Firman Tuhan

1. Allah telah melepaskan mereka daripada belenggu perhambaan di Mesir dan Tuhan meletakkannya pada permulaan Sepuluh Hukum untuk mengingatkan mereka akan kebaikan-Nya. (Keluaran 20:1)
2. Gunung Sinai (Keluaran 19:1)
3. Tuhan mengibaratkan diri-Nya sebagai seorang bapa iaitu seekor burung helang yang membawa anaknya di atas sayapnya dari Mesir. (Keluaran 19:4)
4. Musa tinggal bersama Tuhan empat puluh hari dan empat puluh malam. (Keluaran 34:27)
5. Ini bererti Allah membuat satu perjanjian dengan umat Israel. (Keluaran 34:27)
6. Mereka mesti selalu setia kepada Allah. (Keluaran 19:5)
7. Tiga hukum berkaitan perhubungan manusia dengan Tuhan (yang dipanggil sebagai perhubungan vertikal) dan tujuh hukum yang lain adalah untuk perhubungan antara manusia dengan manusia (yang boleh disebut sebagai perhubungan horizontal/mendatar)

Pelbagai Aliran Fikiran Yang Bercanggah Dengan Sepuluh Hukum

1. **Sekularisme** - Jangan membawa nama Allah dalam pertimbangan moral.
2. **Pluralisme** - Kewujudan pelbagai pandangan dan tidak ada pandangan atau pertimbangan yang boleh dianggap terbaik.
3. **Privatisasi** - Fahaman ini mengatakan bahawa setiap orang mempunyai hak untuk membuat pertimbangan sama ada sesuatu

tindakan itu dianggap bermoral.

4. **Utilitarianisme** - Kebaikan yang tertinggi bagi menghasilkan kegembiraan yang tertinggi bagi terbanyak orang.
5. **Subjektivisme** - Segala sesuatu tidak ada jawapan tuntas dan tidak dapat mencapai nilai yang utuh.
6. **Relativisme** - Segala pertimbangan tergantung pada kebudayaan, sejarah, dan keadaan di sekelilingnya.



Renungan Peribadi

Berikan mereka beberapa minit untuk merenungi sejauh mana mereka telah mentaati Sepuluh Hukum.



Doa

Minta mereka untuk bersyukur kepada Tuhan Pencipta kita yang telah meletakkan Sepuluh Hukum untuk manusia untuk menjadi penuntun bagi mereka. Berdoa supaya sepanjang 10 sesi ini, Tuhan akan membantu mereka untuk mengerti setiap hukum yang ada dalam Sepuluh Hukum.

Sesi 2: Tuhan Kita Cemburu?



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa berhala itu bukan hanya tentang dewa-dewa
2. Memahami apa maksud “Allah adalah Allah yang cemburu”
3. Memahami kenapa Allah melarang kita menyembah berhala
4. Menyelidiki kesan penyembahan berhala
5. Mencabar mereka untuk meninggalkan berhala mereka



Pencetus Minat (1)

Bahagikan peserta-peserta anda kepada beberapa kumpulan dan adakan satu pertandingan permainan dengan mereka. Mereka akan mengeluarkan semua benda yang dimiliki mereka untuk membuat satu garis yang panjang. Mereka boleh menggunakan kalung, telefon bimbit, skarf, beg, pen, buku, mahupun diri mereka sendiri dan sebagainya. Garis yang paling panjang menjadi pemenangnya.

Interaksinya

Kita mempunyai kerinduan untuk memiliki barang-barang, status, wang, populariti dan sebagainya. Tanpa disedari, kita mungkin membiarkan semua ini mengambil-alih kasih kita untuk Tuhan. Apa sahaja yang mengambil tempat Tuhan di dalam hati kita dianggap sebagai berhala. Tuhan juga memberi kita kemampuan untuk mengasihi tetapi kalau kita mengasihi seseorang atau sesuatu lebih daripada Tuhan kita melanggar Hukum yang Pertama ini.



Pencetus Minat (2)

Bawa majalah dan suratkhbar lama ke kelas. Suruh mereka menulis benda-benda yang ingin dimiliki oleh mereka di dalam lembaran kerja sesi ini.



Aktiviti Bersama

1. Seorang suami berhak menjadi cemburu sekiranya isterinya jatuh hati dengan orang lain kerana mereka sudah diikat dalam satu

perjanjian untuk setia kepada satu sama lain melalui ikatan perkahwinan. Allah menganggap perhubungan-Nya dengan umat-Nya seperti satu perhubungan suami dan isteri. Banyak kali Tuhan menggambarkan Diri-Nya sebagai suami mereka. (Yehezkiel 16, Hosea)

2. Tuhan berhak menuntut kesetiaan umat-Nya untuk hanya menyembah Dia kerana:
 - a. Dia telah membawa mereka keluar dari Mesir dan mengikat perjanjian dengan mereka. (Keluaran 20:2)
 - b. Tidak ada tuhan lain yang pernah memanggil mereka dan membentuk mereka menjadi satu bangsa serta menyelamatkan mereka dengan pelbagai mukjizat dan tanda. (Ulangan 4:34)
 - c. Allah yang ajaib telah menyelamatkan mereka dan Dia tidak suka ditukar dengan dewa-dewa atau tuhan-tuhan yang palsu.
3. Dalam Yohanes 14:15, Yesus menyamakan mengasihi-Nya dengan ketaatan terhadap perintah-Nya. Kalau kita mengasihi Tuhan, kita mesti membuktinya dengan menurut firman-Nya.



Renungan Firman Tuhan

1. Tuhan tidak ingin umat-Nya menyembah berhala kerana berhala-berhala ini tidak boleh disamakan dengan Pencipta langit dan bumi. (Yesaya 40:18-22)
2. Penyembahan berhala sering disertai dengan penggunaan ilmu sihir, jampi, mengadakan hubungan dengan roh orang-orang yang mati serta perbuatan keji lain. Seringkali kalau hati kita menyembah yang lain selain daripada Tuhan kita juga berbuat perbuatan yang tidak disukai Tuhan. (Ulangan 18:9-13)
3. Ketamakan, perbuatan cabul, penggunaan kata-kata tidak senonoh, gurauan lucah adalah sama dengan perbuatan penyembahan berhala kerana orang yang melakukannya tidak ada Allah dalam hati mereka. (Efesus 5:3-5)
4. Tuhan berharap orang yang menyembah berhala akan segera kembali kepada-Nya kerana berhala-berhala mereka telah menjauhkan mereka daripada Tuhan. (Yehezkiel 14:4,6)
5. Kita tidak boleh memiliki dua tuan. Contohnya kita tidak boleh menjadi hamba kepada wang dan hamba kepada Tuhan pada satu masa yang sama. (Matius 6:24)
6. Kita mesti menjauhkan diri daripada berhala-berhala yang dapat

menjauhkan kita daripada Tuhan. (1 Yohanes 5:21)



Renungan Peribadi

Beri mereka beberapa minit untuk menyelidiki hati dan berdoa. Galakkan mereka supaya tidak membiarkan ada berhala di dalam hati mereka. Suruh mereka menulis berhala-berhala mereka dalam kertas dan secara simbolik membuangnya ke dalam tong sampah.



Doa

Beritahu mereka untuk selidiki berhala-berhala dalam hati mereka dan keluarkannya dengan segera kerana berhala akan menghalangi perhubungan yang intim dengan Tuhan.

Sesi 3: Kuduskan Nama Tuhan



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa nama Tuhan sungguh mulia dan harus dihormati pada setiap waktu
2. Mempelajari beberapa nama Tuhan dan makna nama tersebut
3. Memahami bagaimana menjunjung nama Allah dalam kehidupan mereka
4. Merenungi bagaimana mereka boleh mengharumkan nama Allah



Pencetus Minat

Anda akan menyebut nama beberapa orang. Apabila mereka mendengar nama orang tertentu disebut, mereka boleh membuat gerakan, mimik muka atau suara yang mengungkapkan perasaan mereka terhadap orang tersebut. Mereka boleh pura-pura menangis, memuji-muji, berteriak, berlari dan lain-lain ketika mendengar nama-nama orang tersebut.

1. Adolf Hitler
2. Hang Tuah
3. Yudas Iskariot
4. Ibu Teresa
5. Osama Bin Mohammed Bin Awad Bin Laden
6. John Sung Shang Sieh
7. Yesus Kristus

Setelah selesai, Anda boleh memberitahu mereka sedikit tentang orang-orang yang baru saja anda sebutkan.

Adolf Hitler

Seorang ahli politik yang dilahirkan di Austria dan pemimpin Parti Nazi. Dia ingin mendirikan kesatuan Jerman ke atas Eropah. Dia mendapat sambutan daripada rakyatnya kerana ucapannya yang berkorbarkorbar tentang nasionalisme Jerman, anti semitisme, anti fahaman komunis dan mengambil langkah meluaskan pengaruhnya dengan menakluk Poland. United Kingdom dan Perancis melancarkan perang dengan negara Jerman dan mencetuskan Perang Dunia Kedua. Di bawah pimpinannya Nazi telah membunuh 17 juta orang dan 6 juta daripadanya adalah orang Yahudi. Pembunuhan beramai-ramai itu dikenali sebagai “Holocaust” yang dilakukan ke atas mangsa-mangsanya.

Hang Tuah

Pahlawan Melayu yang hidup di zaman kegemilagn Kesultanan Melaka di bawah pemerintahan Sultan Mansur Shah. Sewaktu menemani Sultan Mansur Shah ke Majapahit dia telah dikurniakan keris Taming Sari. Hang Tuah terkenal dengan kesetiaan kepada Sultan. Dia telah membunuh kawan karibnya yang bernama Hang Jebat kerana menganggap Hang Jebat telah menderhaka dalam cubaanya untuk membunuh Sultan, walaupun Hang Jebat bertindak demikian kerana disangkanya Sultan telah membunuh Hang Tuah.

Yudas Iskariot

Murid Tuhan Yesus yang telah mengkhianati-Nya dengan menjual-Nya kepada para Imam Besar sehingga Yesus ditangkap, diadili dan disalibkan. Yudas kemudiannya menyesal dan cuba mengembalikan 30 keping wang perak. Dia akhirnya menggantungkan dirinya.

Mother Theresa

Seorang biarawati dari Albania yang dianugerahkan Nobel Peace Prize kerana pelayanannya menolong orang-orang miskin dan yang telantar di Kalkuta India. Dia juga terkenal dengan pekerjaan misionarinya. Di bawah pimpinannya sebanyak 610 misi telah didirikan di 123 negara yang melayani orang kusta, kanak-kanak, pesakit HIV, orang miskin, pesakit batuk kering, rumah anak yatim, sekolah dan kaunseling keluarga.

Osama Bin Mohammed Bin Awad Bin Laden

Pemimpin organisasi terrorists Al-Qaeda. Dia termasuk dalam senarai sepuluh pelarian yang paling dikehendaki FBI. Peristiwa 11 September membangunkan dunia dari tidur tentang kegiatan terrorisme di dunia.

John Sung Sang Chieh

Seorang penginjil dari negara China yang membawa pembangunan rohani ke negara China, Taiwan, dan Asia Tenggara (termasuklah Malaysia). Sewaktu kecil, dia sering menolong bapanya dalam pelayanan dan kalau bapanya sakit dia akan berkhotbah. Dia sungguh pandai dalam pelajaran dan mendapat ijazah kedoktoran dari Universiti Ohio setelah membuat pengkajian 5 tahun. Dia belajar di Union Theological Seminary di New York dan kemudian menjadi penginjil yang sungguh bersemangat Dia telah membuang dua gulung sijil PH.Dnya ke dalam laut kerana dia memutuskan untuk tidak akan berpaling daripada pelayanannya.

Anda boleh mencari lebih banyak nama lagi dan membuat sedikit

kajian ke atas orang-orang tersebut sebelum menggunakannya sebagai pencetus minat. Jelaskan kepada peserta-peserta bahawa nama-nama selalu menimbulkan reaksi tertentu kerana kebaikan atau kejahatan mereka. 'Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama'. Tuhan yang Hidup juga mempunyai nama yang menggambarkan siapa dan sifat Diri-Nya. Di dalam sesi ini kita hanya akan melihat beberapa nama sahaja.



Aktiviti Bersama

1. Elohim - Tuhan Sang Pencipta
2. El Shaddai - Tuhan yang Maha Kuasa
3. Adonai - (Bahasa Inggeris: *Master/Lord*)
4. Yehovah - Yang Wujud Sendiri
5. Yehovah Yireh - Tuhan yang menyediakan
6. Yehovah Rophe - Tuhan yang menyembuhkan
7. Yehovah Ori - Tuhan adalah Terangku
8. Yehovah Roi - Tuhan adalah Gembalaku
9. Yehovah Shalom - Tuhan adalah Damaiku
10. El Rai - Tuhan melihat aku
11. Elohim Shophitim Baarets - Tuhan yang menghakimi dunia



Renungan Firman Tuhan

1. Kita boleh menunjukkan kebanggaan kita terhadap Tuhan dengan memuji nama-Nya dan memberitakan kebaikan-Nya di dalam kehidupan kita. (Mazmur 22:23)
2. Ramai orang meragukan keikhlasan orang Kristian yang memakai lidah untuk memuji Tuhan tetapi pada waktu yang sama mereka mengutuk orang lain. (Yakobus 3:4-6)
3. Tuhan tidak ingin kita bersumpah walaupun dalam nama langit dan bumi kerana Dialah Pencipta langit dan bumi. (Matius 5:33-37)
4. Walaupun mereka mengakui mereka mengenal Tuhan namun mereka tidak pernah melakukan kehendak-Nya. (Matius 25:31-46)



Renungan Peribadi

Tegaskan kepada para peserta bahawa sebagai orang Kristian mereka mesti berbeza dalam sikap mereka khususnya sewaktu menggunakan nama Tuhan. Mereka mesti menghormati Tuhan dan tidak

menggunakan nama Kristus Yesus dalam gurauan mereka. Selain itu mereka tidak boleh menggunakan nama Tuhan untuk mengutuk orang atau menakut-nakutkan orang. Tuhan juga tidak suka orang menggunakan nama-Nya dengan sembarangan untuk mengheboh kebolehnya tetapi terselindung di bawah nama Tuhan.

Bagaimana mengharumkan nama Tuhan?

1. Fikirkan bagaimana kamu boleh mengharumkan nama Tuhan di sekolah atau tempat di mana anda hidup.
2. Sedar akan kehadiran Tuhan sepanjang hari agar kita tidak memalukan nama-Nya.
3. Bersaksilah tentang kebaikan Tuhan kepada orang lain dan muliakan nama-Nya.
4. Sedar bahawa anda adalah duta Yesus Kristus di mana sahaja anda berada. Pertahankan kejujuran, keikhlasan, dan kesucian sehingga nama Tuhan diangkat tinggi.
5. Menyanyi dan memuji Tuhan bukan sahaja di gereja tetapi juga di rumah anda.
6. Buat satu kajian tentang nama-nama Allah dan renungi watak Tuhan.



Doa

Dorong mereka untuk belajar berdoa dan memuji Tuhan menurut nama-nama Tuhan yang tertentu. Pujilah kebaikan yang berhubungan dengan nama-nama tersebut.

Sesi 4: Kuduskan Hari Sabat



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa Tuhan ingin mereka memperhatikan hari Sabat sebagai hari istirehat dan untuk melakukan perkara-perkara yang berkenan kepada-Nya
2. Memahami bahawa Sabat ini bertujuan untuk memperbaharui tenaga mereka untuk minggu yang baru setelah berehat
3. Memahami apakah yang terjadi pada kesihatan dan kehidupan rohani kita kalau kita tidak memperhatikan Hari Sabat



Pencetus Minat

Sediakan balon-balon untuk ditiupkan oleh peserta-peserta. Kumpulan yang dapat meniup balon yang paling banyak dalam masa seminit dianggap menang. Jelaskan bahawa meniup balon itu memerlukan banyak tenaga dan kita tidak akan larat meniup terus-menerus tanpa berehat sebentar.

Sepuluh Hukum telah ditetapkan oleh Tuhan untuk kebaikan manusia. Di dalam kitab Kejadian, Allah telah berehat pada hari yang ketujuh setelah mencipta dunia ini. Dia telah menetapkan Sabat agar kita boleh berehat, belajar lebih tentang Dia dan beribadah tanpa gangguan. (Markus 2:27-28). Berbuat baik atau menolong sesama manusia tidak melanggar Sabat. “Apakah yang akan kamu lakukan seandainya seorang antara kamu mempunyai seekor domba, lalu pada hari Sabat domba itu jatuh ke dalam lubang yang dalam? Tentunya kamu akan berusaha untuk mengeluarkannya dari lubang itu. Oleh itu, Taurat kita membenarkan kita menolong seseorang pada hari Sabat.” (Matius 12:11-12)



Perbincangan

1. Beritahu mereka hari Sabat itu bukan semestinya hari Minggu seperti yang biasa dimengertikan oleh orang Kristian; atau hari Sabtu seperti yang dipegang oleh orang Yahudi dan Gereja Seven Day Adventist (SDA). Sabat adalah hari di mana kita beristirahat untuk memulihkan tenaga kita secara fizikal, dan menguatkan kehidupan rohani kita dengan memberi santapan rohani kepada jiwa kita. Hari Sabat boleh ditentukan mengikut tempat. Contohnya negeri-negeri di

Pantai Timur yang biasanya cuti pada hari Jumaat, boleh menyucikan hari tersebut untuk Tuhan. Kebaktian mereka biasanya juga diadakan pada hari Jumaat.

2. Sabat tidak bererti kita menjadi fanatik sehingga tidak boleh membuang sampah, atau menjahit butang yang jatuh, atau memasak di malan sebelum Sabat supaya kita tidak bekerja pada hari Sabat! Tuhan tidak bermaksud demikian kerana Dia telah menetapkan Sabat demi kebajikan manusia agar mereka boleh berehat dan beribadah.
3. Tuhan adalah pemilik hari Sabat. Dia jugalah yang memberinya untuk manusia demi memperbaharui tenaga, mental dan emosi kita.
4. Kita harus beribadah setiap hari walaupun kita bekerja. Kita boleh mengesampingkan masa yang tertentu untuk beribadah Tetapi pada hari Sabat kita tidak bekerja dan kita gunakan kesempatan itu untuk beristirahat dan memberi perhatian untuk beribadah.



Aktiviti Pencetus Minat Tambahan

Tunjukkan gambar orang-orang yang letih, tertekan, dan tidak pernah berhenti bekerja kerana mereka ingin mencari lebih banyak duit. Mereka tidak pernah berehat walaupun sehari kerana takut kehilangan pelanggan dan keuntungan. Akhirnya mereka bukan sahaja kehilangan kesihatan, tetapi juga kehidupan rohani yang baik dan serta anak-anak dan keluarga mereka.



Renungan Firman Tuhan

1. Seseorang akan kerugian besar kalau dia mementingkan wang tetapi kehilangan kebajikan diri sendiri dari segi rohani, jasmani dan mental.(Matius 16:26)
2. Sumber kekuatan dan ketenangan kita datang daripada Tuhan. Kita akan diselamatkan dan dikuatkan kalau kita datang kepada Dia. Sabat bersama dengan Tuhan boleh memperbaharui kekuatan kita dan mengeratkan perhubungan kita dengan Tuhan.(Yesaya 30:15)
3. Nehemia menyuruh mereka memperhatikan hari Sabat dan pintu gerbang ditutup agar segala perdagangan tidak dilakukan pada hari itu. (Nehemia 13:15-22)
4. Tuhan Yesus. Kerana Dia adalah Tuan dan Empunya hari Sabat. (Matius 11: 28-29)
5. Kita akan dipulihkan kembali dan seperti rajawali kita boleh terbang

tinggi lagi dengan kekuatan sayap kita setelah menunggu kepada Tuhan. (Yesaya 40:31)

Padankan Jawapan Yang Betul

1. d
2. a
3. b
4. e
5. c



Renungan Peribadi

Setelah mereka mengerti apa itu Sabat dan tujuan mempunyai hari Sabat, galakkan mereka untuk mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari.

Santapan Minda

Anda juga boleh mengaturkan satu masa yang lain untuk bersama-sama dengan mereka menonton filem “Charriots of Fire”.



Doa

Ajar mereka berdoa bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk kawan-kawan mereka supaya mereka akan belajar berehat pada hari Sabat (iaitu satu hari dalam seminggu) dan menguduskan hari Sabat dengan beribadah sepenuh hati kepada Tuhan.



Hukum Kelima dalam Sepuluh Hukum adalah tentang menghormati bapa dan ibu kita. Pelajaran ini sudahpun terangkum dalam OBOR Belia Buku 3: Carik-carik Bulu Ayam. Jika kumpulan belajar anda tidak ada menggunakan buku itu sebelum ini, anda mungkin harus mengadakan satu sesi tambahan untuk berbincang tentang Hukum Kelima ini. Kami mengesyorkan anda menggunakan bahan diskusi yang ada di Sesi 1-4 dalam OBOR Belia Buku 3: Carik-carik Bulu Ayam.

Sesi 5: Hormati Kesucian Nyawa Orang lain



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa pembunuhan itu membawa banyak penderitaan kepada keluarga mangsa dan diri sendiri
2. Memahami bahawa Tuhan Yesus mentafsir Hukum yang Keenam ini bukan sahaja daripada sudut pembunuhan secara tindakan tetapi juga fikiran, emosi dan perkataan
3. Menyelidiki Firman Tuhan tentang pembunuhan dan tafsiran Yesus mengenainya



Pencetus Minat

Anda boleh membimbing mereka untuk berbincang mengapa Ted boleh menjadi seorang pembunuh yang kejam.

1. Ibu bapa dan orang-orang yang mengasihi mangsa-mangsa tersebut tentu akan berduka seumur hidup dan kehidupan mereka sengsara.
2. Ted merasa menyesal dan menyedari bahawa sekalipun dia dijatuhkan hukuman mati ini tidak bererti apa-apa kerana mangsa-mangsanya tidak dapat dihidupkan kembali.
3. Dia ketagihan bahan-bahan pornografi sehingga akhirnya dia ingin merealisasikan dalam bentuk tindakan.



Aktiviti Bersama

Bimbing mereka untuk berbincang apa motif-motif dan penyebab satu kes pembunuhan. Kenapa manusia boleh tergamak mengambil nyawa orang lain?



Renungan Firman Tuhan

1. Tuhan melarang kita untuk mengambil nyawa seseorang kerana manusia telah dicipta dalam imej Tuhan dan nyawa seseorang amat berharga kepada Tuhan. (Kejadian 1:27)
2. Mengambil nyawa seseorang bererti kita sudah mencabut ciptaan Tuhan dan kita berdosa terhadap-Nya. (Kejadian 9:6)
3. Kain membunuh kerana dia sangat cemburu akan Habel yang

memberi persembahan yang lebih baik kepada Tuhan. (Kejadian 4:1-7)

4. Dia menjadi pelarian kerana dia diburu oleh manusia terus menerus. (Kejadian 4:7-16)
5. Kita diibaratkan sebagai pengikut iblis, kerana iblis juga suka mencuri nyawa manusia. (Yohanes 10:10)



Renungan Peribadi

Pernah sesiapa melanggar Hukum Keenam ini? Anda boleh angkat tangan. Biasanya tidak ada orang yang akan angkat tangan kerana tidak pernah membunuh orang dengan pisau atau senapang sehingga mati. Adakah ini bermaksud kita sudah bebas daripada dosa ini? Tidak. Tuhan Yesus mempunyai tafsiran yang lebih mendalam tentang dua hukum ini.

Suruh salah seorang daripada mereka membaca Matius 5:21-24, 27-28. Tuntutan Tuhan Yesus boleh dikatakan lebih tinggi lagi. Bolehkah anda tuliskan formulanya untuk Matius 5:21-24, 27-28? Tuliskan:

Pembunuhan = Kemarahan

Perzinaan = Mata keranjang (Mata yang ditujukan terus ke ranjang/katil!)

Tuhan Yesus mengalih dari pembunuhan secara harafiah kepada pembunuhan yang terselindung. Contohnya kalau kita berkata *Raca* (atau dalam bahasa seharian kita, 'pergi mampus', 'bodoh', 'go to hell' dsbnya.) terhadap seseorang, kita sebenarnya sedang menganggap dia sebagai seseorang yang tidak berguna, menganggap hina peribadinya sehingga hampir disamakan dengan meludahinya, kita seakan-akan membunuhnya. Membunuh harga diri seseorang dan nilai seseorang boleh melukakan seseorang dengan mendalam. Penggunaan perkataan yang pedas juga berdosa sehingga Yesus menyamakannya sebagai seseorang yang membunuh.

Demikian juga, dalam Hukum Ketujuh, seseorang juga berdosa kalau dia berzina dalam fikirannya! Yesus mentafsirkan bahawa berdosa dengan fikiran dan hati juga dianggap berdosa. Tuhan Yesus berkata kalau matamu membuat kamu berdosa korekkannya, kalau tanganmu menyesatkan kamu potongnya, dan kalau kakimu membuat kamu berdosa potonglah ia (Matius 18:8,9). Ini tidak bererti anda mengambil tindakan sebegitu melainkan mengambil langkah yang utuh untuk

berpaling daripadanya.

Suruh mereka merujuk ke OBOR Belia Buku 3: Carik-carik Bulu Ayam, untuk mengetahui cara mengatasi kemarahan.



Doa

Bahagikan mereka dalam pasangan dan saling berdoa agar mereka segera berpaling daripada dosa dan memuliakan nama Tuhan. Ingatkan mereka bahawa sewaktu kita melontarkan kata-kata yang kejam dan menyakiti hati seseorang, itu pun dianggap sebagai membunuh, kerana kita membunuh harga diri dan nilai seseorang. Sewaktu kita marah dan benci terhadap seseorang dan meneriak “Bodoh!” atau “Pergi mampuslah!” kita sedang membunuh!

Sesi 6: Jangan Berzina



Objektif-Objektif Sesi

1. Untuk menyedari bahawa perzinaan boleh menghancurkan perhubungan keluarga khususnya antara suami isteri dan anak-anak
2. Memahami bahawa perzinaan telah ditafsirkan oleh Tuhan Yesus dengan lebih jauh lagi iaitu memandang seseorang dengan fikiran penuh berahi.
3. Membuat komitmen untuk hidup suci agar tidak menghancurkan diri sendiri atau orang lain.



Pencetus Minat

1. Anda boleh menggunakan satu permainan yang pernah dimainkan oleh mereka sewaktu kecil dulu. Dua peserta akan berperanan sebagai ayam induk, yang lain anak-anak ayam, dan seorang lagi menjadi helang. Helang itu akan cuba menangkap anak-anak ayam dan ayam induk pula akan cuba melindungi anak-anaknya.
2. Atau suruh mereka berdiri dalam lingkaran dengan bergandingan tangan. Beberapa peserta lain akan berusaha masuk ke dalam lingkaran tersebut tetapi peserta-peserta yang bergandingan tangan akan cuba menghalang mereka.



Penjelasan Permainan

Perzinaan boleh menghancurkan rumahtangga khususnya apabila ibu bapa bercerai atau bertengkar akibat ketidaksetiaan dalam perkahwinan. Contohnya seorang bapa akan menjadi teladan yang buruk kepada anak-anaknya kalau dia bermain kayu tiga dan melukai hati isterinya. Selain itu, bapa itu akan menghancurkan kepercayaan isteri dan anak-anak. Nama Tuhan juga akan tercemar jika hal ini berlaku dan orang tersebut tidak mahu bertaubat dan dipulihkan Allah.

Tuhan Yesus mentafsir Hukum Ketujuh ini dengan lebih lanjut lagi. Dia mengatakan bahawa jika kita memandang seseorang dengan berahi kita sudah berzina dengannya dalam hati kita.



Aktiviti Bersama

Suruh mereka mengerjakan lembar kerja bersama-sama dan setelah itu biar mereka mengangkat kertas mereka untuk menunjukkan beberapa tanda yang merah. Yang merah itu bererti tindakan itu sudah dianggap sebagai berzina.

- | | | |
|----------|----------|----------|
| 1. merah | 2. merah | 3. merah |
| 4. hijau | 5. merah | 6. merah |
| 7. merah | 8. merah | 9. merah |

Jelaskan kepada peserta-peserta anda bahawa kekudusan menurut ukuran Tuhan sangat tinggi dan tidak ada tawar-menawar.



Renungan Firman Tuhan

1. Kita dianggap berzina kalau kita memandang seseorang dengan berahi kerana kita sudah melakukannya dalam hati dan fikiran. Ketika kita berfikiran sedemikian, kita sebenarnya sudah 'mencabul' orang itu dari segi nilai dan kehormatannya sebagai seorang manusia yang dicipta oleh Tuhan dalam imej/gambaran-Nya. Diibaratkan kita sudah 'menelanjangan' mereka dalam mainan fikiran kita. (Matius 5:27-30)
2. Hanya dengan pasangan yang sudah kita kahwini. (Kejadian 2:24)
3. Dia akan membinasakan dirinya kerana dia mungkin akan dipukul suami/isteri orang lain. Selain itu dia juga menaikkan amarah pasangan hidupnya. Jika hal ini diketahui umum, dia akan dihina dan dicaci orang serta merosakkan kesaksiannya bagi Tuhan. (Amsal 6:32-34)
4. Perzinaan itu dianggap berbeza dengan dosa-dosa lain kerana dosa itu berhubung dengan tubuh sendiri. Roma 12:1-3 juga menyeru kita mempersembahkan tubuh kita dalam bentuk yang suci, termasuk dari segi pemikiran kita.
5. Jauhkan diri daripada nafsu. (2 Timotius 2:22) Ceritakan bahawa Yusuf telah lari daripada isteri majikannya kerana dia sangat bertanggungjawab dan setia kepada Tuhan.
6. Dia ingin dibersihkan, sungguh menyesal, mengakui dosanya dan menyedari bahawa dirinya jahat. (Mazmur 51:4-6)
7. Jangan bergaul dengan orang yang berakhlak buruk yang mungkin akan mempengaruhi anda untuk berdosa. (1 Korintus 15:33)



Renungan Peribadi

Bincang dengan peserta-peserta anda tentang padah perzinaan-

1. Menghancurkan hati anak-anak dan isteri mereka serta kehilangan rasa hormat anggota keluarga terhadapnya.
2. Bapa yang berzina menjadi teladan yang buruk bagi keluarganya.
3. Merosakkan kesaksiannya serta memburukkan nama Allah.
4. Jejaskan perhubungan dengan Allah kalau tidak bertaubat dan dipulihkan.
5. Seseorang mungkin akan dijangkiti penyakit kelamin kalau kehidupan moralnya tidak terkawal.
6. Perbuatan yang boleh menyebabkan orang lain meragukan kebaikan anda.
7. Perkahwinan mungkin hancur dan akhirnya menghadapi kepedihan perceraian kalau pasangan tidak sanggup mengampuni pasangannya yang sudah curang.
8. Hati nurani tercemar.
9. Memalukan pasangan hidup dan juga anak-anak.
10. Memalukan nama gereja

Galakkan teman-teman anda untuk membuat satu komitmen dan kalau mereka tidak terlalu letih suruh mereka membuat satu lafazan yang boleh dihafalkan.



Doa

Suruh mereka berdoa agar Tuhan melindungi fikiran mereka daripada godaan berbentuk seksual. Berdoa juga supaya mereka akan setia kepada Tuhan dan minta Tuhan melindungi mereka dan setiap ahli keluarga mereka.

Sesi 7: Jangan Mencuri



Objektif-Objektif Sesi

1. Menanam kejujuran dalam peserta-peserta anda supaya mereka tidak menipu dan mencuri
2. Menyedari bahawa kalau manusia tidak tahu, Tuhan mengetahui semuanya
3. Berlaku jujur dan tidak berbohong
4. Meneliti beberapa kes penipuan dalam Alkitab dan mempelajari pelajaran-pelajaran berharga daripadanya



Pencetus Minat

Bahagikan peserta-peserta anda kepada beberapa kumpulan kemudian berikan setiap kumpulan secarik kertas yang memuat cerita tentang kes penipuan dan pencurian. Beri mereka beberapa minit untuk menyiapkan lakonan mereka.

- a. Seorang lelaki sedang memilih jam tangan di Petaling Street. Sewaktu penjualnya sibuk kerana dikerumuni oleh pelanggan-pelanggan yang lain, lelaki itu masukkannya ke dalam beg dan beredar dari situ.
- b. Seorang kontraktor memberi sehelai cek kepada seseorang supaya meluluskan projek yang besar. Selain itu, dia menjanjikan orang itu bahawa dia akan memberi kereta dan sebuah rumah kalau projek-projek lain diberikan kepadanya.
- c. Seorang penjual dengan tidak sengaja telah memberi anda \$50 dan tukarannya seharusnya \$1.
- d. Sewaktu peperiksaan Cikgu Loh keluar dari kelas, dan murid-murid mulai menipu dalam matapelajaran sejarah.



Aktiviti Bersama

1. Kalau kita tidak jujur menghadapi hal ini dan berusaha meninggalkan tabiat yang suka menipu, suatu hari kita akan memudaratkan kehidupan kita sendiri. Sekalipun kita mungkin boleh terlepas dalam hidup ini dan menipu manusia, hati nurani kita akan melemah. Jangan lupa kita akan menghadapi Pencipta kita kelak.
2. Semua orang sedang melakukannya tidak bererti perkara ini benar

dan boleh disanjung dan ditiru. Firman Tuhan adalah ukuran mutlak dalam kehidupan kita.

Bahagikan mereka kepada 3 kumpulan kecil, dan setiap kumpulan akan mengambil satu cerita dari petikan Alkitab. Berikan mereka masa untuk berbincang dan kemudian suruh seorang wakil dari kumpulan mereka untuk memberikan laporan tentang ceritanya dan apa yang dapat dipelajari dari cerita-cerita ini. Laporan mereka harus menyentuh tentang watak orang itu, sikap mereka, dan kerelaan bertaubat.

1. Zakeus tinggal di kota Yerikho. Dia adalah seorang ketua pemogut cukai, suka memeras orang miskin dan sering menipu untuk mendapat banyak cukai yang dimasukkan dalam poketnya sendiri. Dia telah mengenal Tuhan sewaktu Tuhan Yesus datang ke kotanya. Dia telah memanjat pokok untuk melihat Tuhan Yesus dan mengenal-Nya. Setelah dia mengenal-Nya, dia bertaubat lalu mengembalikan wang yang pernah diperas bahkan mengembalikan empat kali ganda. (Lukas 19:1-10)
2. Akhan melakukan dua hal yang salah di mata Tuhan. Pertama, dia telah berdosa terhadap-Nya dengan mencuri barang-barang yang seharusnya dihancurkan dan tidak mahu mengakuinya. Dosanya telah mengakibatkan mereka dikalahkan oleh musuh-musuh dan akhirnya dia dihukum mati oleh Tuhan. Allah adalah Tuhan yang kudus dan Dia ingin umat-Nya yang dipanggil keluar dari Mesir hidup suci dan penghukuman ini menjadi satu disiplin untuk umat-Nya. (Yosua 7)
3. Ananias dan Safira adalah sepasang suami isteri yang telah menjual sebidang tanah tetapi menyimpan sebahagian daripada hasilnya untuk diri mereka sendiri. Mereka telah berbohong tentang harga jualan tanah tersebut dan mendustai Rasul Petrus serta yang lain. Mereka didisplin keras sehingga ketakutan meliputi seluruh jemaah. Tuhan telah mendisplin gereja awal dengan tegas. (Kisah Rasul-Rasul 5)



Renungan Firman Tuhan

1. Kita tidak hanya diminta tidak mencuri bahkan sebaliknya kita diminta untuk memberi kepada mereka yang miskin bukan memeras mereka. (Imamat 19:9-10)
4. Kita lebih baik bekerja melakukan pekerjaan apapun yang memuliakan Tuhan dan memperoleh keperluan wang kita daripada

kita meragut beg orang lain atau mencuri. (Efesus 4:28)



Doa

Tutup sesi ini dengan doa. Minta agar Tuhan menolong kita menanggalkan semua tipu muslihat dalam kehidupan kita supaya ia tidak akan menjadi tabiat dalam kehidupan. Tabiat menipu akan memudaratkan orang lain dan diri kita sendiri. Berdoalah agar Tuhan mengubah setiap kita supaya kita boleh hidup jujur dalam perkataan dan tingkah laku.

Sesi 8: Kesaksian Palsu Dilarang!



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami kenapa orang suka berbohong dan dalam situasi apakah mereka berbohong
2. Mempelajari bahawa bohong itu akan mendatangkan kerugian
3. Merenungi firman Tuhan tentang berbohong



Pencetus Minat

Bahagikan para peserta kepada beberapa kumpulan kecil. Suruh mereka bayangkan diri mereka sebagai detektif dan tugas mereka adalah membuat satu panduan untuk menolong kakitangan seperti polis atau inspektor yang menjalankan soal siasat untuk mengetahui sama ada seseorang itu sedang berdusta atau berbohong. Mereka boleh menulis, melukis akan melakonan. Tunjukkan beberapa contoh kepada mereka:

Contoh-contoh tanda-tanda orang sedang bohong:-

1. Senyum bohong banyak menggunakan otot-otot di sekeliling mulut.
2. Pembohong tidak suka menatap mata kita.
3. Tangan menggaru telinga, muka atau hidung.
4. Duduk ketat dan tidak menggunakan banyak tempat mungkin kerana takut.
5. Waktu antara sebutan dan gerak geri berbeza. Contohnya bila seseorang menerima hadiah berkata “saya menyukainya”, baru tersenyum, dan tidak berkata dan tersenyum serentak.
6. Gerakan muka berbeza dengan sebutan contohnya “saya suka sekali” tetapi bermuka masam.
7. Mungkin muka atau tubuhnya tidak mahu menghadap kita.
8. Tatabahasanya salah...struktur ayat menjadi kelam kabut.
9. Dia kelihatan lega bila anda menukar topik perbincangan.
10. Tangan dan suara yang bergetaran.



Aktiviti Bersama

Galakkan para peserta menulis pengalaman mereka. Mereka boleh menceritakan kepada sesama. Kalau ada yang ingin merahsiakannya, hormatilah mereka dan tidak mendesak mereka.



Renungan Firman Tuhan

1. Membuat tuduhan palsu membinasa imej bahkan kehidupan seseorang. Oleh itu ia diibaratkan seperti pedang yang boleh membunuh. (Amsal 25:18)
2. Orang yang bermulut manis tidak semestinya ikhlas dan mungkin sedang berbohong. (Amsal 26:23)
3. Orang yang berhati baik akan mengeluarkan segala yang baik tetapi orang yang busuk hati akan mengeluarkan kejahatan dari mulutnya. (Matius 12:34-35)
4. Kita perlu bersatu dengan Tuhan dan diubah oleh Tuhan sehingga menjadi manusia yang baru. (2 Korintus 5:17)
5. Ada tiga perkara yang disebutkan berkaitan dengan pembohongan (Amsal 6:16-19)
6. Tuhan menganggap orang yang berdusta itu sebagai satu kekejian dan orang yang setia diperkenan oleh-Nya. (Amsal 12:22)



Renungan Peribadi

Biarlah saat ini menjadi saat beribadah. Minta Tuhan menyelidiki hati kita dan mulut kita. Sewaktu Tuhan memanggil Yesaya, dia menyedari bahawa bibirnya penuh dengan najis. Adakah mulut kita penuh dengan najis dan perlukan pembersihan daripada Tuhan?



Doa

Sesi ini boleh diakhiri dengan satu lagu pujian yang sesuai.

Sesi 9: Jangan Serakah



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa Tuhan tidak ingin kita mengingini barang kepunyaan orang lain
2. Memahami kenapa Allah tidak mengingini kita menjadi serakah atau tamak.
3. Menyedari bahawa kalau mereka mengingini kepunyaan orang lain mereka mungkin akan jatuh ke dalam dosa
4. Mengetahui punca-punca yang menyebabkan seseorang bersikap begitu



Pencetus Minat

1. Anda boleh tunjukkan kereta yang mewah dan menanyakan siapa yang menginginya. Siapakah yang mempunyai wang untuk memilikinya? Siapakah yang cemburu terhadap pemilik keretanya?
2. Anda boleh mengumpulkan majalah-majalah yang penuh dengan iklan barang-barang dan menyuruh peserta-peserta anda menggantung gambar-gambar yang ingin dimiliki mereka. Kemudian minta mereka menceritakan apa yang ingin mereka miliki dan kenapa.



Aktiviti Bersama

Setelah peserta-peserta mengerjakan lembar kerja mereka, diskusi dengan mereka tentang apa erti mengingini kepunyaan orang lain. Seringkali apabila kita melihat orang memiliki lebih, kita juga mahu lebih.

Ketika Tuhan Yesus dibawa oleh iblis ke gunung yang tinggi untuk melihat kekayaan dunia, Tuhan Yesus tidak tergoda. Sebaliknya Dia berkata, “Enyahlah iblis! Sebab ada tertulis: engkau hanya menyembah Tuhan, Allahmu, dan hanya kepada Dia sajalah engkau berbakti!” (Matius 3:10) Tuhan Yesus tidak tertarik dengan tawaran iblis kerana yang terutama dalam hati-Nya hanya Allah.

Punca-punca dan jawapan mengenai gejala yang selalu mengingini kepunyaan orang lain:

1. Kurang penghargaan atas berkat yang diberikan oleh Tuhan — Belajar bersyukur atas segala pemberian yang diberikan oleh Tuhan.
2. Sikap yang suka berbanding-banding — Menyadari bahawa Tuhan telah memberi kita bakat dan kurnia yang berbeza-beza untuk saling melengkapi.
3. Sikap yang kurang puas dengan kemampuan sendiri — Bersyukur atas kelebihan sendiri serta berusaha menajamkan kebolehan yang diberikan oleh Tuhan.
4. Kurang menyedari akan kebaikan dan kasih Tuhan — Merenungi berkat yang Tuhan berikan dalam kehidupan anda.
5. Perasaan ingin memiliki lebih banyak — Belajar bersyukur atas yang diberikan oleh Tuhan.
6. Kurang menikmati yang diberikan oleh Tuhan — Belajar bahawa barang-barang tidak akan memuaskan kita. Belajar menjalin persahabatan yang lebih intim dengan Tuhan dan manusia.
7. Kurang mengembang bakat sendiri — Cuba berusaha dengan terbaik dan melayani Tuhan dengan bakat yang diberikan-Nya. Baca buku-buku untuk menolong anda meningkat pengetahuan anda khususnya dalam bidang anda.
8. Hanya mementingkan hal-hal yang lahiriah — Carilah dahulu Kerajaan Tuhan.



Renungan Firman Tuhan

1. Hawa melihat bahawa buah pohon itu baik lagi pula pohon itu menarik hati sehingga dia melupakan larangan Tuhan. (Kejadian 3:6)
2. Kedua-duanya jatuh kerana telah melihat sesuatu yang menggoda hati mereka. (2 Samuel 11 dan Kejadian 3:6)
3. Kita boleh menakluk fikiran kita pada kuasa Tuhan dan merobohkan kubu-kubu yang dibangunkan oleh keangkuhan manusia. (2 Korintus 10:5)
4. Kita tidak perlu khawatir akan apa yang kita miliki atau apa yang tidak kita miliki kerana Tuhan akan menjaga semua ini. Apa yang perlu kita utamakan ialah sikap yang selalu mencari Kerajaan Allah terlebih dahulu. (Matius 6:31-33)
5. Dia belajar mencukupkan diri dalam segala keadaan dan puas dengan kekurangan atau kelimpahan. (Filipi 4:11-12)
6. Ibadah yang sejati selalu disertai dengan rasa cukup. Perasaan puas dan cukup dalam Tuhan adalah keuntungan yang besar. Ini tidak bererti anda tidak bekerja atau berusaha untuk menjadi lebih baik tetapi dalam kekurangan atau kelimpahan, anda puas dalam Tuhan. (1 Timotius 6:6)



Aktiviti Tambahan

Drama Moden : Daud dan Beh Shee Bah

Sandiwara tanpa kata-kata. Pilih seorang pencerita perempuan dan seorang pencerita lelaki yang akan menyampaikan skript lakonan ini.

Watak-Watak:

Daud	Beh Shee Beh	Siregar
Dua teman	2 Samseng	

Babak 1

(Dua meja dan kerusi diletakkan di suatu sudut lain dalam bilik. Letakkan kad kredit, telefon bimbit di atas meja.)

Pencerita: Ini Daud. Dia pemimpin persekutuan belia yang telah merancang perkelahan untuk pemuda-pemudi di gerejanya. Namun, hari ini dia malas dan tidak mahu pergi dengan mereka. Dua teman datang merayu dia untuk pergi tetapi dia tidak mahu. Dia berpura-pura sakit.

(Daud berjalan menuju ke bilik dan teman-temannya datang. Mereka memujuk Daud untuk pergi tetapi dia tidak mahu lalu melambai-lambai tangannya.)

Pencerita: Wah! Legalah saya. Sekarang saya boleh bersantai. Tidak lama kemudian, dia berjalan ke jendela untuk menghirup udara segar. Tiba-tiba matanya terlayang kepada seorang gadis yang cantik. Amboi, rambut Sunsilk! Namanya Shee Bah, anak orang kaya. Tengok semua pakaiannya yang berjenama! Daud tertarik kepada Shee Bah. Kalau dia jadi girlfriend I, tentu saya kayalah!

Pencerita: Daud memandang Shee Bah dan merasa begitu gembira. Oh...bukankah Shee Bah itu teman perempuan Siregar? Oh...Oh...bagaimana? Kenapakah selama ini saya tidak perhatikan kecantikannya. Saya terlambat...Tidak! Biar saya merampas Shee Bah darinya. Tapi, bagaimana?

Dia pun segera sms Shee Bah dan alangkah gembiranya sewaktu Shee Bah membalas smsnya. Dia segera mengundang Shee Bah untuk keluar makan malam tetapi Shee Bah sms dan mengatakan dia akan keluar dengan Siregar. Apakah yang akan dilakukan oleh Daud?

Babak 2

Pencerita: Daud merancang merampas Shee Bah daripada Siregar. Dia akan mengupah beberapa samseng sekolahnya untuk menakutkan Siregar dan menyuruh dia memutuskan perhubungannya dengan Shee Bah. Dengan segera dia menelefon beberapa samseng untuk datang ke rumahnya.

(Daud berjalan ke dalam bilik dan bercakap dengan beberapa samseng lalu memberi mereka wang. Samseng itu menghitung-hitung wang dan bersetuju.)

Pencerita: Mereka menangkap Siregar dan mengancam akan membunuhnya kalau dia tidak memutuskan hubungannya dengan Shee Bah. Mereka memaksa dia untuk sms bahawa dia akan memutuskan perhubungan dengan Shee Bah dan mengatakan dia tidak mencintai dia lagi.

(Daud berjumpa dengan Shee Bah. Shee Bah memberi dia kredit kad untuk berbelanja serta memberi dia kasut yang berjenama!)

Interaksi Selepas Drama (2 Samuel 11)

- a. Punca dosa itu timbul setelah Daud melihat dan mengingini *girlfriend* yang dimiliki orang lain dan dalam hal ini Bee Shee Bah (Batsyeba dalam Alkitab).
- b. Dari mata (deria penglihatan) menimbulkan keinginan yang serong khususnya apabila anda sering memikirkannya selepas melihatnya.
- c. Daud yang terlalu santai dan tidak ada kerja tergodanya melihat Batsyeba yang sedang mandi.
- d. Setelah lama menatap Batsyeba, dia bernafsu dan ingin memilikinya.
- e. Contohnya kalau kita menatap lama-lama handphone model terbaru yang canggih dan mahal, kita mungkin tergodanya untuk membelinya dan membayar dengan kad kredit. Begitu banyak belia zaman sekarang mempunyai masalah dengan kad kredit dan hutang keliling pinggang mereka kerana mereka tamak/serakah.
- f. Kalau kita diseret oleh keinginan kita, akhirnya itu akan membuahkan dosa. (Yakobus 1:14-15)



Doa

Ajak mereka berdiri dalam satu lingkaran dan berdoa beramai-ramai. Minta Tuhan membersihkan hati mereka daripada segala berhala yang dapat menjadi batu sandungan dalam kehidupan mereka

Sesi 10: Hati Yang Baru



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa semua Hukum Tuhan berasaskan pada dua hukum iaitu kasihi Tuhan dengan sepenuh hati dan kasihi sesama manusia seperti mereka mengasihi diri sendiri
2. Memahami bahawa hati yang belum disentuh oleh kuasa Tuhan dan diperbaharui tidak dapat menurut semua hukum dengan sempurna
3. Memahami bahawa oleh kerana kita tidak dapat menunaikan Hukum Tuhan kita jauh daripada kesempurnaan dan kemuliaan Allah. Tuhan Yesus telah datang untuk menyerahkan nyawa-Nya di kayu salib demi menebus dosa kita.



Pencetus Minat

Pilih 3 peserta daripada kumpulan untuk melakukan Markus 10:17-22

Lakonan: Markus 10:17-22

Alatan Pementasan

Dua keping kadbod yang digunting dalam bentuk hati dan tertulis: "Kasih untuk Tuhan" dan "Kasih untuk Manusia"

Watak: Orang kaya yang muda dan Tuhan Yesus

Pencerita : Ketika Tuhan Yesus sedang berjalan, seorang lelaki yang kaya, muda, dan bergaya tiba-tiba datang lalu bersujud di hadapan-Nya dan mengajukan pertanyaan yang sangat penting.

(Seorang pemuda yang bergaya yang terlihat Tuhan Yesus datang bersujud di hadapan Tuhan Yesus seolah-olah dia akan menunaikan segala yang diperintah oleh Yesus.)

Pemuda: Guru yang baik, apakah yang harus saya lakukan untuk beroleh hidup sejati dan kekal? (tanggalkan topi dan kaca mata hitam)

Tuhan Yesus: Mengapa kamu mengatakan Aku baik? Tiada seorang pun yang baik kecuali Allah. Kamu tahu akan Hukum Allah: "Jangan membunuh, jangan berzina, jangan mencuri, jangan berikan kesaksian palsu, jangan menipu, hormatilah ibu bapamu."

Pemuda: Guru, sejak muda lagi saya sudah menurut semua hukum ini dengan sepenuh hati...tak pernah saya mencuri...sebiju gula pun tidak ada. Semua orang kata saya anak yang paling baik di kampung ini, Guru. Saya tidak pernah meniru di kelas atau peperiksaan.

Tuhan Yesus: Tinggal satu perkara sahaja yang perlu kamu buat.

Pemuda: Guru, benarkah ada lagi hukum yang belum saya lakukan?

Tuhan Yesus: Pergilah dan jual segala yang kamu miliki, berikan wangnya kepada orang miskin, maka kamu akan beroleh harta di syurga. Kemudian barulah datang dan ikutlah Aku.

Pemuda: *What? No way, Guru! You nak saya jual jam rolex saya dan kereta yang baru saya terima daripada ayah saya? Sorrylah guru, saya tidak mahu mengikut Awak.*

Pencerita: Pemuda ini mengasihi apa yang dimilikinya lebih daripada mengasihi Tuhan Yesus atau orang lain.

(Dua peserta tampil dengan dua kadbod: "Kasih untuk Tuhan" dan "Kasih untuk Manusia")

Interaksi

1. Hukum apakah yang belum ditunaikan oleh pemuda ini?
2. Adakah pemuda ini melakukan Sepuluh Hukum dengan segenap hati atau hanya tindakan lahiriah sahaja?
3. Apakah yang menjadi dua intipati Sepuluh Hukum?
4. Apakah yang boleh mengubah hati pemuda ini atau hati manusia agar mereka boleh mentaati Sepuluh Hukum Tuhan?
5. Sepuluh Hukum juga menolong kita melihat keadaan hati kita yang sebenarnya. Hatinya masih tersimpan banyak berhala yang mengikat dia sehingga dia tidak mempunyai kebebasan untuk mengikut Tuhan Yesus.

Pemuda ini berkata kepada Yesus bahawa dia telah menunaikan Sepuluh Hukum Allah. Namun, pemuda ini melaksanakan Sepuluh Hukum sebagai satu tradisi sahaja tetapi bukan dengan hati yang sudah berubah. Dia tidak ada dua intipati Sepuluh Hukum dalam hatinya iaitu mengasihi Allah dengan sepenuh hati (iaitu satu perhubungan vertikal) dan mengasihi sesama manusia seperti diri sendiri (iaitu satu perhubungan horizontal/mendatar). Pemuda ini seperti manusia lain telah jatuh dalam dosa dan memerlukan penebusan dosa agar diberikan hati

baru yang boleh mentaati Tuhan. Sepuluh Hukum mencerminkan keadaan hati kita yang sebenarnya.



Aktiviti Bersama

Cermin, Cermin Di Dinding

Guntingkan kad bod dalam bentuk hati dan beritahu mereka kad bod ini adalah cermin hati. Berikan kepada para peserta anda. Minta setiap peserta merenungi Sepuluh Hukum yang telah dipelajari oleh mereka dan tuliskan dosa apakah yang akan ditunjukkan cermin-cermin ini: ketamakan, memiliki berhala (hobi, wang, status), mencuri, mulut kotor, tipu muslihat...

Hukum memberitahu kita tentang dosa, "Sebab sebelum hukum Taurat ada, telah ada dosa di dunia. Tetapi dosa itu tidak diperhitungkan kalau tidak ada hukum Taurat." (Roma 5:13)

Paulus berkata Hukum telah membawa kita kepada Tuhan yang membenarkan kita melalui iman. "Sebelum iman itu datang kita berada di bawah pengawalan hukum Taurat, dan dikurung sampai iman itu telah dinyatakan." (Galatia 3:24)

Tuhan Yesus telah melepaskan kita daripada kutukan hukum yang tidak dapat kita sempurnakan dalam kehidupan kita dan Dia membenarkan kita melalui iman. Dia mati demi dosa kita supaya kita mempunyai hati yang baru untuk menurut hukum-Nya sebagai sahabat-Nya.



Renungan Firman Tuhan

1. Yeremia 17:9 memberitahu kita bahawa hati manusia sungguh licik. Bukan sahaja licik tetapi licik daripada segalanya dan sudah membatu.
2. Hukum adalah penuntun kita sehingga kita datang kepada Yesus dan dibenarkan oleh iman kita. (Galatia 2:23-25) Perkataan 'penuntun' dalam bahasa Yunani ialah *paidagogos* yang bererti seorang hamba diangkat oleh tuan yang kaya. Apabila mereka besar, mereka dibebaskan namun dia tetap diharapkan mendisiplin hidupnya. Walaupun kita diselamatkan dari kutukan dosa, kita tetap harus mematuhi Sepuluh Hukum.
3. Kita akan menurut Sepuluh Hukum dengan lebih baik ketika Allah mengubah hati kita dan menuliskan Sepuluh Hukum dalam batin kita. (Yeremia 31:33)
4. Kita menjadi ciptaan baru dan ini akan menolong kita menurut

- Sepuluh Hukum dengan lebih setia lagi. (2 Korintus 5:17)
5. Kita harus mempersembahkan hidup kita sebagai persembahan yang kudus dan berkenan kepada Tuhan. (Roma 12:1-2)
 6. Kita mengasihi Tuhan dan sesama manusia kerana dua hal ini mengenapi seluruh hukum Allah. (Roma 13:10)
 7. Kita harus mengasihi musuh kita, memberkati orang yang mengutuk kita, berbuat baik terhadap mereka yang membenci kita. (Matius 5:44)



Renungan Peribadi

1. Jelaskan bahawa sebelum sesi ini mereka mungkin menganggap Tuhan sebagai seorang datuk yang sungguh tegas, dan di tangannya ada rotan yang siap untuk merotan sesiapa yang melanggar Sepuluh Hukum, atau seseorang yang akan menyambar mereka dengan kilat kalau bersalah.
2. Setelah sesi ini mereka memahami bahawa Tuhan adalah Bapa yang mengasihi anak-anak-Nya dan telah menetapkan batasan agar mereka tidak sengsara dalam kehidupan mereka. Dia juga adalah Pencipta yang memiliki cara yang terbaik.
3. Sekalipun Sepuluh Hukum telah dilanggar dan tidak ada yang sempurna, Tuhan tetap mengasihi dan mengutus Anak-Nya untuk melepaskan kita daripada kutukan akibat pelanggaran hukum.
4. Cara yang terbaik untuk melaksanakan Sepuluh Hukum ialah mengasihi Allah dengan segenap hati; dan mengasih orang lain bahkan musuh seperti diri sendiri.

Ambillah kesempatan ini untuk mengajak peserta-peserta yang belum mengenal Tuhan untuk melihat bahawa tidak ada manusia yang sempurna. Semua orang pernah melanggar hukum-hukum Tuhan dan jauh dari kemuliaan Tuhan. Tuhan Yesus telah mati demi dosa kita agar kita boleh memulakan kehidupan yang baru.



Doa

Suruh mereka berdoa kepada Tuhan agar kita akan hidup lebih disiplin lagi dan memuliakan Tuhan lagi. Juga, berdoa agar kita akan mengasihi Tuhan dengan segenap hati dan sesama kita seperti kita mengasihi diri sendiri.

Dapatkan kesemua 25 buah buku dalam siri **OBOR BELIA** dari kami!



Hubungi kami di wawasan.penabur@gmail.com
atau layari laman web kami di www.wawasanpenabur.org

OBOR BELIA

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk tiga tahun yang pertama: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-Isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku yang keempat, "**Sepuluh Hukum**" mengajar para belia bagaimana untuk menerapkan Sepuluh Hukum dengan praktikal dan bertujuan menanam sifat takut akan Tuhan dalam keperibadian mereka. Selain itu, mereka juga akan memahami bagaimana Tuhan Yesus mentafsir Sepuluh Hukum dan apakah dua perintah yang mengenapi seluruh hukum. Yesus telah datang untuk menegakkan seluruh hukum. Para belia juga akan memahami bahawa Sepuluh Hukum yang diberikan melalui Nabi Musa lebih daripada 3,500 tahun yang lalu adalah tetap relevan pada hari ini, dan harus dijadikan penuntun dalam kehidupan kita semua. Contoh-contoh yang hidup membuat buku ini lebih teruja dan bernilai.

"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Rev. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiapkan dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)

Harga: RM 6.00